



**TABUNG HAJI**  
حي على الفلاح



LAPORAN TAHUNAN **2021** ANNUAL REPORT





# MENUJU KE ARAH MASA DEPAN DIGITAL

MOVING TOWARDS A DIGITAL FUTURE





## MENUJU KE ARAH MASA DEPAN DIGITAL Moving Towards A Digital Future

Pandemik COVID-19 yang pertama kali melanda pada awal 2020 telah mengejutkan seluruh dunia dan menjedakan perniagaan serta ekonomi. **TH** telah mempercepatkan pelaksanaan strategi digitalnya serta mengambil langkah yang **lebih agresif ke arah teknologi digital** agar **TH** kekal relevan untuk para pemegang taruhnya. Langkah ini bukan lagi satu pilihan, tetapi satu kemestian berikutan transformasi perniagaan kini.

Pada suku pertama 2021, **TH** terus **mempertingkatkan usaha memupuk teknologi** dan melakukan pendigitalan ke atas sebahagian besar sistem dan perkhidmatannya. Beberapa inisiatif baharu diperkenalkan bagi menyediakan perkhidmatan tambah nilai dan kemudahan untuk pemegang taruh utama. Langkah ini telah memberi hasil positif, seiring dengan keadaan ekonomi dan perniagaan terkini negara yang mencabar. Melangkah ke hadapan, **TH** akan menumpukan perhatian ke atas pembinaan kapasiti serta bakat tenaga kerja selain **usaha pendigitalan dan inovasi** di dalam organisasi.

The unprecedented COVID-19 pandemic in early 2020 has shocked the world and impacted businesses and economies. **TH** accelerated its digital strategy implementation and put in place **a more aggressive move towards digital technology** in order for **TH** to remain relevant for its key stakeholders. It was no more an option, but a necessity as the way of doing business has transformed substantially.

In the 1<sup>st</sup> quarter of 2021, **TH** **enhanced its efforts towards technology** and digitalised most of its systems and services. Several new initiatives were introduced to provide value-added services and convenience to key stakeholders. The results were positive and the move was timely during the nation's challenging economic and business environment. Moving forward, **TH** will focus more on building capacity and talents of its workforce as well as the **adoption of digitalization and innovation** within the organisation.



Imbas kod QR dan ikut langkah-langkah mudah berikut bagi mengakses Laporan Tahunan secara atas talian

Scan the QR code and follow these simple steps to access our online Annual Report

# DALAM LAPORAN INI

## INSIDE THIS REPORT

# 1

### TENTANG KAMI

#### Our Story

- 6 FUNGSI KAMI  
Our Purpose
- 7 VISI, MISI & NILAI TERAS  
Vision, Mission & Core Values
- 8 RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN LIMA (5) TAHUN (2017-2021)  
Five (5) Year Financial Performance Summary (2017-2021)
- 9 STATISTIK LIMA (5) TAHUN (2017-2021)  
Five (5) Year Statistics (2017-2021)
- 10 PERISTIWA PENTING 2021  
2021 Milestones
- 11 PENCIPTAAN NILAI  
Value Creation
- 15 SYARIKAT KUMPULAN  
Group of Companies
- 16 LIBAT URUS PEMEGANG TARUH  
Stakeholder Engagement

# 2

### WARGA KAMI

#### Our People

- 20 PERUTUSAN Pengerusi  
Chairman's Statement
- 28 LEMBAGA  
The Lembaga
- 30 PROFIL LEMBAGA  
The Lembaga Profile
- 40 JAWATANKUASA PANEL PELABURAN  
Investment Panel Committee
- 42 PROFIL JAWATANKUASA PANEL PELABURAN  
Investment Panel Profile
- 50 JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH  
Shariah Advisory Committee
- 51 PROFIL JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH  
Shariah Advisory Committee Profile
- 56 CARTA ORGANISASI  
Organisation Chart

3

## ULASAN STRATEGIK

### Strategic Review

- 60 ULASAN PRESTASI OLEH PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
*Performance Review by the Group Managing Director and Chief Executive Officer*
- 70 OBJEKTIF STRATEGIK: ENAM (6) OBJEKTIF STRATEGIK UTAMA  
*Strategic Objective: Six (6) Strategic Objectives*
- 72 OBJEKTIF STRATEGIK 01: PENGURUSAN HAJI  
*Strategic Objective 01: Hajj Management*
- 77 OBJEKTIF STRATEGIK 02: PENTADBIRAN DANA  
*Strategic Objective 02: Fund Administration*
- 79 OBJEKTIF STRATEGIK 03: PENGURUSAN DEPOSIT  
*Strategic Objective 03: Deposit Management*
- 88 OBJEKTIF STRATEGIK 04: MODAL INSAN  
*Strategic Objective 04: Human Capital*
- 93 OBJEKTIF STRATEGIK 05: TADBIR URUS  
*Strategic Objective 05: Governance*
- 94 OBJEKTIF STRATEGIK 06: SYARIKAT KUMPULAN  
*Strategic Objective 06: Group of Companies*
- 103 PELABURAN HARTANAH  
*Property Investment*

4

## TADBIR URUS

### Governance

- 106 PENYATA TADBIR URUS KORPORAT  
*Statement of Corporate Governance*
- 119 PENYATAAN PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN  
*Statement on Risk Management and Internal Control*
- 131 LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH *TH*  
*Report of the TH Shariah Advisory Committee*
- 134 PELAKSANAAN ZAKAT DI *TH*  
*Management of Zakat in TH*
- 135 AGIHAN KEUNTUNGAN DEPOSIT *TH*  
*TH Deposit's Profit Distribution*

5

## INISIATIF KELESTARIAN

### Sustainability Initiatives

- 138 Program Zakat  
*Zakat Programme*
- 145 *THRIVING CAREERS*  
*THRiving Careers*
- 150 PENGURUSAN TENAGA  
*Energy Management*

6

- 152 **SOROTAN MEDIA 2021**  
*2021 Media Highlights*

- 154 **DIREKTORI *TH***  
*TH Directory*

- 156 **PENYATA KEWANGAN**  
*Financial Statement*

# TENTANG TABUNG HAJI

ABOUT  
TABUNG HAJI





## FUNGSI KAMI

### Our Purpose



Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang tertakluk di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** ialah pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. **TH** bertekad untuk menyediakan perkhidmatan haji yang cemerlang kepada jemaah haji Malaysia dan rekodnya yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji yang inovatif.

**TH** mempunyai 8.4 juta pendeposit dengan 123 cawangan dan lebih 10,000 titik sentuh di seluruh negara. **TH** juga mempunyai satu pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah bidang kuasa Konsulat Malaysia.

Lembaga Tabung Haji (**TH**) is a statutory body governed by the Tabung Haji Act 1995 (Act 535). **TH's** main activities are hajj management, depository services and investment. **TH** strives to provide excellent hajj services to Malaysian pilgrims and its consistent track record has gained world recognition as a role model for innovative hajj management.

**TH** has 8.4 million depositors and 123 branches with more than 10,000 touch-points nationwide. **TH** also operates an office in Jeddah, Kingdom of Saudi Arabia under the purview of the Malaysian Consulate.

## VISI, MISI & NILAI TERAS

### Vision, Mission & Core Values



## VISI

### Vision

Tonggak kejayaan ekonomi ummah; Pengurusan haji terbilang.

The pillar of the Ummah's economic success;  
Excellence in haji management



## NILAI TERAS

### Core Values

- > Komited
  - > Profesional
  - > Kerja Berpasukan
  - > Menerima Perubahan
  - > Prihatin dan Penyayang
- 
- > Committed
  - > Professional
  - > Teamwork
  - > Embracing Change
  - > Loving and Caring



## MISI

### Mission

Dalam mencapai visi **TH**, KAMI beriltizam:

- > Memperkasa ekonomi ummah;
- > Sentiasa giat mencari pelaburan strategik global dan lokal bagi pertumbuhan berterusan;
- > Menggembleng dan memperkayakan modal pendeposit;
- > Memberi perkhidmatan cemerlang yang berterusan;
- > Memudah dan menyempurnakan urusan jemaah ke arah haji mabrur; dan
- > Memberi pulangan yang kompetitif, halal dan toyyiban

In achieving **TH's** vision, WE pledge:

- > To strengthen the ummah's economy;
- > To remain active in seeking strategic investments locally and globally to ensure sustainable growth;
- > To manage and enrich depositors' funds;
- > To continuously provide excellent services;
- > To facilitate and assist pilgrims in achieving mabrur hajj; and
- > To provide competitive, halal and toyyiban returns.

## RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN LIMA (5) TAHUN (2017-2021) Five (5) Year Financial Performance Summary (2017-2021)

<b>KUMPULAN / Group</b>	<b>2021</b> RM Juta RM Million	<b>2020 #</b> RM Juta RM Million	<b>2019*</b> RM Juta RM Million	<b>2018</b> RM Juta RM Million	<b>2017</b> RM Juta RM Million
Pendapatan / Revenue	3,876	3,509	3,713	8,915	8,359
Perbelanjaan Operasi / Operating Expenditure	700	680	985	2,927	2,484
Keuntungan Operasi / Operating Profit	2,194	1,956	1,758	2,528	3,703
Zakat / Zakat	107	106	88	103	84
Keuntungan Bersih / Net Profit	2,596	2,689	2,552	1,795	3,399
Aset Bersih / Net Assets	2,753	6,795	5,737	3,320	971
<b>TH / TH</b>	<b>2021</b> RM Juta RM Million	<b>2020</b> RM Juta RM Million	<b>2019*</b> RM Juta RM Million	<b>2018</b> RM Juta RM Million	<b>2017</b> RM Juta RM Million
Pendapatan / Revenue	3,069	3,112	3,217	3,895	4,550
Perbelanjaan Operasi / Operating Expenditure	586	559	963	1,215	987
Keuntungan Operasi / Operating Profit	2,421	2,353	1,945	1,700	3,472
Zakat / Zakat	107	106	86	86	68
Keuntungan Bersih / Net Profit	2,291	2,216	1,837	1,614	3,404
Agihan Keuntungan*/ Hibah Pendeposit* Profit Distribution* / Depositors' Hibah*	2,455	2,242	2,140	923	3,324
Aset Bersih / Net Assets	3,297	3,659	2,875	1,055	(1,260)
Simpanan Pendeposit / Depositors' Saving	83,338	75,920	69,417	74,489	70,199
Bilangan Pendeposit (Juta Orang) Number of Depositors (Million People)	8.41	8.97	8.75	9.21	9.27
<b>Nisbah Kewangan Utama TH</b> <b>Key Financial Ratio TH</b>	<b>2021</b> %	<b>2020</b> %	<b>2019</b> %	<b>2018</b> %	<b>2017</b> %
Kadar Keuntungan Bersih / Net Profit Margin	74.62	71.21	57.10	41.44	74.81
Perbelanjaan Operasi/Aset Bersih Operating Expenditure/Net Assets	17.77	15.28	33.50	115.17	(78.33)
Perbelanjaan Operasi/Simpanan Pendeposit Operating Expenditure/Depositors' Savings	0.70	0.74	1.39	1.63	1.41

\* Angka yang dinyatakan semula untuk Penyata Untung atau Rugi bagi Tahun Berakhir 2019 kerana pengkelasan semula BIMB ke AHFS.

\* Restated figures for Financial Year 2019 Profit or Loss Statement due to reclassification of BIMB to AHFS.


# Angka yang dinyatakan semula untuk Penyata Untung atau Rugi bagi Tahun Berakhir 2020 kerana pelarasan tahun-tahun terdahulu berikutan pengkelasan Hartanah, loji dan peralatan tertentu ke Hartanah pelaburan berikutan penyatuan pada peringkat Kumpulan.

# Restated figures for Financial Year 2020 Profit or Loss Statement due to past year adjustments following reclassification of certain PPE to Investment Properties upon consolidation at Group level.


## STATISTIK LIMA (5) TAHUN (2017-2021)

### Five (5) Year Statistics (2017-2021)


**Pendapatan (RM Juta)**  
**Revenue (RM Million)**




**Keuntungan Operasi (RM Juta)**  
**Operating Profit (RM Million)**




**Zakat (RM Juta)**  
**Zakat (RM Million)**




**Keuntungan Bersih (RM Juta)**  
**Net Profit (RM Million)**




**Simpanan Pendeposit (RM Juta)**  
**Depositors' Savings (RM Million)**




**Bilangan Pendeposit (Juta orang)**  
**Number of Depositors (Million people)**



**Agihan Keuntungan (RM Juta)**  
**Profit Distribution (RM Million)**



**Kadar Agihan Keuntungan (%)**  
**Profit Distribution Rate (%)**



■ Agihan Keuntungan / Profit Distribution  
■ Hibah Haji / Hajj Hibah

## PERISTIWA PENTING 2021 2021 Milestones



13

Penjenamaan Semula Kelab TaHa  
Kelab TaHa Rebranding



6

Pelantikan Pengarah Urusan  
Kumpulan & Ketua Pegawai  
Eksekutif Baharu **TH**  
Appointment of New **TH**'s Group  
Managing Director & Chief  
Executive Officer



23

**THiJARI** Rangkul Anugerah  
Kecemerlangan Teknologi Malaysia  
**THiJARI** wins 'Malaysia Technology  
Excellence' Award

MAC  
March

MEI  
May

JUN  
June

OGOS  
August

NOVEMBER  
November

DISEMBER  
December



31

Menara **TH** Diterangi  
Lampu Warna-warni  
Kemerdekaan  
**TH** Tower Illuminated  
by Colourful Lights of  
Independence



14

Pelancaran **THiJARI** Biz  
**THiJARI** Biz Launching



30

Persidangan **TH** 2021  
**TH** Summit 2021



20

Pelantikan Pengerusi Baharu **TH**  
Appointment of New **TH** Chairman



# OUR VALUE CREATION MODEL

## Our External Environment

Key drivers that influence our business model

For more information about Performance by Strategic Objectives, please refer pages 70 to 102.

### MACROECONOMIC

- Slower than expected growth trajectory
- Uneven growth pace across economies
- Unchartered territories
- Inflation rose to 3.2% (December 2021)
- Low yield environment

### POLITICAL, LEGISLATIVE AND REGULATORY


- The 12MP: resetting the economy; strengthening security, wellbeing and inclusivity; and improving sustainability
- Change of political landscape
- Restoring confidence through the setting up of RCI for TH

### TECHNOLOGY


- Rapid growth of digital transaction
- Expectation on user experience
- Digital enhancement through 5G and IoT
- Cybersecurity
- Cryptocurrency

### SOCIAL

- Social impact of COVID-19
- Economic loss of RM4b-RM6b due to flood
- Unemployment remain high since the COVID-19 pandemic
- Expectations of competitive return
- Expectations of continuous hajj financial support



# SYARIKAT KUMPULAN Group of Companies



\* Nota: Sehingga 31 Disember 2021  
Note: As at 31 December 2021

## LIBAT URUS PEMEGANG TARUH Stakeholder Engagement

**TH** mengakui bahawa pemegang taruh adalah aset yang berharga dan hubungan baik dengan mereka adalah penting bagi memastikan operasi yang optimum. Justeru, kami terus berusaha memperbaiki hubungan serta penglibatan dengan sembilan (9) pemegang taruh utama yang diklasifikasikan di bawah tiga (3) kategori yang dikenalpasti berdasarkan tahap pengaruh dan juga kepentingan mereka kepada organisasi.

Sepanjang tahun di bawah tinjauan, **TH** telah mengadakan pertemuan bersama para pemegang taruh secara berterusan sebagai sebahagian daripada strategi libat urus kami.

Dalam pertemuan bersama pemegang taruh, **TH** berhasrat untuk mewujudkan hubungan yang lebih baik, selain memahami keperluan, serta kebimbangan mereka agar kami dapat mengenalpasti isu-isu penting dan menanganinya secara positif.

Berikut adalah tiga (3) kumpulan pemegang taruh utama **TH**:

**TH** believes the stakeholders are our valuable assets, and a healthy relationship with the stakeholders is key to achieving optimal operations. We continually strive to improve our rapport with our stakeholders through engagements. Nine (9) key stakeholders, grouped under three (3) categories, were identified by mapping out the level of influence, which includes the level of interest of each stakeholder in the organisation.

Throughout the year under review, **TH** has continuously engaged with our stakeholders as part of the stakeholder engagement strategy.

In our stakeholder engagements, **TH** seeks to foster better relationships with the stakeholders, better understand their needs and concerns so that we can identify material concerns, as well as work to address the issues positively.

**TH's** three (3) main stakeholder groups are listed below:



PEMEGANG TARUH Stakeholders	TOPIK-TOPIK BERKAITAN Relevant Topics	PLATFORM PERTEMUAN Engagement Platforms
<b>KUMPULAN / Group 01</b>		
 Pendeposit Depositors	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pengagihan keuntungan yang mampan dan stabil</li> <li>Simpanan yang terjamin</li> <li>Strategi perniagaan yang progresif</li> <li>Ulasan/pelaporan kewangan yang telus dan kerap</li> <li>Akses perkhidmatan yang pantas dan mudah</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>Sustainable and stable profit distribution</li> <li>Secure savings</li> <li>Progressive business strategy</li> <li>Transparent and frequent reporting/financial review</li> <li>Quick and easy access to services</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Berita terkini menerusi pelbagai saluran komunikasi</li> <li>Promosi deposit</li> <li>Pemasaran dan pelancaran acara</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>Updates via various communication channels</li> <li>Deposit drives</li> <li>Marketing and launch events</li> </ol>
 Jemaah Haji Hajj Pilgrims	<ol style="list-style-type: none"> <li>Perkhidmatan haji bertaraf dunia</li> <li>Panduan haji terbaik</li> <li>Sokongan kewangan haji yang berterusan</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>World-class hajj services</li> <li>Excellent hajj guidance</li> <li>Continuous hajj financial support</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kursus haji</li> <li>Pertemuan menerusi cawangan-cawangan <b>TH</b></li> <li>Acara-acara dan aktiviti-aktiviti haji (Malaysia &amp; Arab Saudi)</li> <li>Pertemuan dengan badan-badan berkuasa Malaysia dan Arab Saudi</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>Hajj courses</li> <li>Engagement via <b>TH</b> branches</li> <li>Hajj events and activities (Malaysia &amp; Saudi Arabia)</li> <li>Engagement with Malaysian and Saudi Arabian authorities</li> </ol>
 Pembekal Suppliers	<ol style="list-style-type: none"> <li>Peluang perniagaan yang lebih banyak untuk usahawan Bumiputera</li> <li>Pembayaran penuh dan tepat masa</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>More business opportunities for Bumiputera entrepreneurs</li> <li>Good and timely payment</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mesyuarat dan perbincangan yang kerap</li> <li>Saluran-saluran komunikasi</li> <li>Pemilihan pembekal yang cekap dan dipercayai</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>Regular meetings and discussions</li> <li>Communication channels</li> <li>Selection of competent and reliable suppliers</li> </ol>
 Anak-anak Syarikat Subsidiary Companies	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kecekapan serta kemajuan melalui sinergi Kumpulan</li> <li>Sokongan kewangan</li> <li>Tadbir urus, serta hala tuju yang jelas</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>Group synergy for efficiency and growth</li> <li>Financial support</li> <li>Clear governance and direction</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mesyuarat dan perbincangan</li> <li>Penyertaan dalam acara-acara, serta inisiatif-inisiatif Kumpulan</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>Meetings and discussions</li> <li>Participation in Group-wide events and initiatives</li> </ol>
 Rakan-rakan Strategik Strategic Partners	<ol style="list-style-type: none"> <li>Sinergi</li> <li>Memfaatkan pangkalan data pelanggan</li> <li>Perniagaan yang berkembang</li> <li>Kemudahan pelanggan</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>Synergy</li> <li>Leveraging on customer database</li> <li>Business expansion</li> <li>Customer convenience</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Mesyuarat dan perbincangan</li> <li>Penyertaan dalam acara-acara</li> <li>Membangun serta membimbing pengendali haji swasta</li> </ol> <ol style="list-style-type: none"> <li>Meetings and discussions</li> <li>Participation in events</li> <li>Develop and guide private hajj operators</li> </ol>

## LIBAT URUS PEMEGANG TARUH Stakeholder Engagement

PEMEGANG TARUH Stakeholders	TOPIK-TOPIK BERKAITAN Relevant Topics	PLATFORM PERTEMUAN Engagement Platforms
<b>KUMPULAN / Group 02</b>		
 Kerajaan & Pengawal Selia Government & Regulators	1. Prestasi yang baik (perniagaan & haji) 2. Mengekalkan imej dan reputasi yang baik 3. Pematuhan terhadap kehendak-kehendak dan keperluan perundangan 1. Good performance (business & hajj) 2. Maintain a good image and reputation 3. Compliance toward requirements and legal provisions	1. Mesyuarat dan perbincangan yang kerap 2. Kolaborasi dalam inisiatif-inisiatif masyarakat 3. Pertemuan bersama badan-badan berkuasa di Malaysia dan Arab Saudi 1. Frequent meetings and discussions 2. Collaboration in community initiatives 3. Engagement with Malaysian and Saudi Arabian authorities
 Komuniti Communities	1. Sumbangan kepada program-program komuniti 2. Sumbangan zakat untuk golongan asnaf 1. Contribution for community programmes 2. Zakat contribution for Asnaf	1. Program-program zakat 2. Maklumbalas strategik terhadap COVID-19 1. Zakat programmes 2. Strategic response to COVID-19
 Media Media	1. Menyediakan maklumat yang tepat dan telus 2. Maklumat terkini mengenai prestasi 3. Wawasan <b>TH</b> dan industri 4. Maklumbalas tepat mengenai isu-isu yang diutarakan oleh media 1. Provide timely and transparent information 2. Regular updates on performance 3. Insights on <b>TH</b> and industry 4. Timely response to issues highlighted in media	1. Sidang akhbar 2. Temu ramah 3. Kenyataan akhbar 4. Maklumbalas segera terhadap pertanyaan 1. Press conferences 2. Interviews 3. Press releases 4. Prompt feedback for queries
 Pertubuhan Bukan Kerajaan Non-Governmental Organizations	1. Prestasi yang baik (perniagaan & haji) 2. Membina dan mengekalkan hubungan kerja yang baik 3. Menyediakan maklumat yang tepat dan telus 4. Kerjasama pelaksanaan program zakat 5. Bantuan kepada golongan kurang bernasib baik 1. Good performance (business & hajj) 2. Establish and maintain good working relationships 3. Provide timely and transparent information 4. Collaboration for zakat programs 5. Assistance for those less fortunate	1. Mesyuarat, perbincangan dan kunjungan hormat bersama AJK NGO 2. Surat rasmi dan permohonan 1. Meetings, discussions and site visits with NGOs committee members 2. Official letters and applications

PEMEGANG TARUH Stakeholders	TOPIK-TOPIK BERKAITAN Relevant Topics	PLATFORM PERTEMUAN Engagement Platforms
<b>KUMPULAN / Group 03</b>		
 Warga Kerja Employees	1. Imbuan yang kompetitif dan adil 2. Persekitaran kerja yang selamat dan sihat 3. Perkembangan dan kemajuan dalam kerjaya 4. Pengurusan yang prihatin dan bertanggungjawab 1. Competitive and fair remuneration 2. Safe and healthy working environment 3. Career growth and development 4. Attentive and responsible management	1. Sesi-sesi “Town Hall” 2. e-Buletin 3. Perbincangan kumpulan fokus 4. Aktiviti-aktiviti / program-program berkembang maju ( <b>TH</b> riving) 5. Penyediaan kemahiran-kemahiran berkaitan bagi pegawai-pegawai haji 1. Town Hall sessions 2. e-Bulletin 3. Focus group discussions 4. <b>TH</b> riving activities / programmes 5. Equip hajj personnel with relevant skills



## PERUTUSAN Pengerusi

### Chairman's Statement



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian hanya kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda.

In the name of Allah, The Most Gracious and The Most Merciful. All praise be to Allah SWT. Salutations, peace and blessings upon our Prophet Muhammad SAW, his families and companions.

**Alhamdulillah**, di sebalik cabaran pandemik yang berterusan serta persekitaran ekonomi dan pelaburan yang mencabar pada 2021, Lembaga Tabung Haji (**TH**) berjaya memenuhi mandat mengurus operasi haji serta mengekalkan daya maju kewangan melalui aktiviti pengurusan dana untuk para pemegang taruh. Bagi pihak Lembaga, adalah menjadi kewajipan saya untuk membentangkan Laporan Tahunan **TH** bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (TK2021).

**Alhamdulillah**, in spite of prolonged pandemic challenges and a challenging economic and investment environment in 2021, Lembaga Tabung Haji's (**TH**) was able to deliver on its mandate of concurrently facilitating preparation for hajj operations and sustaining the financial viability of its fund management activities for its stakeholders. On behalf of the Lembaga, it is my duty and pleasure to present the **TH** Annual Report for the financial year ended 31 December 2021 (FY2021).

## Melangkah Maju dengan Daya Tahan yang Teguh

Kemunculan varian baharu COVID-19, pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan nasional dan banjir besar yang melanda negara telah menyebabkan ketidaktentuan berterusan serta pemulihan yang tertangguh. Ekonomi Malaysia mengakhiri 2021 dengan catatan pertumbuhan di bawah jangkaan pada 3.1 peratus, selepas menguncup 5.6 peratus pada 2020. Purata inflasi bagi 2021 ialah 2.5 peratus berbanding deflasi sebanyak 1.2 peratus pada 2020, walaupun Bank Negara Malaysia (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 1.75 peratus sejak Julai 2020. Walaupun kebanyakan indikator ini menunjukkan bahawa negara sedang menuju ke arah ekonomi yang positif, kita masih belum pulih ke tahap pra-pandemik.

Bagaimanapun, Kerajaan bertindak responsif dalam melaksanakan pelbagai langkah pembendungan bagi melindungi nyawa dan mata pencarian serta mengurangkan tekanan ke atas sistem kesihatan awam negara demi kesejahteraan rakyat. Peningkatan kadar vaksinasi dan pembukaan semula ekonomi pada penghujung tahun membangkitkan semula sentimen optimis.

Perjalanan rentas negeri dibenarkan semula di kala aktiviti perniagaan kembali bermula. Ini menyaksikan impak yang menggalakkan ke atas ekonomi berserta pertumbuhan pekerjaan yang lebih sihat pada suku akhir 2021. Nilai eksport Malaysia meningkat 26 peratus kepada rekod tertinggi RM1.2 trilion, manakala lebihan dagangan meningkat kepada RM252.6 bilion, iaitu 37.7 peratus lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM183.3 bilion yang merupakan lebihan dagangan tertinggi pernah dicatatkan.

Alhamdulillah, dalam menghadapi susah senang sepanjang tahun ini, keyakinan dan daya tahan **TH** terus diperkukuh berdasarkan tujuan serta matlamat yang jelas. Kami kekal teguh dalam meningkatkan usaha pengurusan sambil menambahbaik perkhidmatan menerusi fokus digital yang lebih besar. Kami juga menitikberatkan tanggungjawab kepada rakyat dan komuniti untuk terus memberi nilai kepada negara.

## Progressing on Unwavering Resilience

With the emergence of new COVID-19 variants, the re-imposition of national containment measures and significant nationwide floods made for a year of continued uncertainty and delayed recovery. The Malaysian economy ended 2021 with the economy recording growth below expectations at 3.1 per cent, after the contraction of 5.6 per cent in 2020. Average headline inflation for 2021 was 2.5 per cent compared to a deflation of 1.2 per cent in 2020, even as Bank Negara Malaysia (BNM) maintained the Overnight Policy Rate (OPR) at 1.75 per cent since July 2020. While many of these indicators show that the country has moved towards a positive economic direction, we have still not recovered to pre-pandemic levels.

However, the Government was responsive in instituting various containment and relief measures to safeguard lives and livelihoods and easing the pressure on the country's public health system to ensure the people's well-being. The rising rates of vaccination and the eventual reopening of the economy at the end of the year brought about a renewed sense of optimism.

Interstate travel resumed amid a resumption of business activities. We saw a favourable impact on the economy together with healthier employment growth which trended upwards in the last quarter of 2021. Malaysia's export value grew 26 per cent to a record high of RM1.2 trillion, while trade surplus increased to RM252.6 billion, 37.7 per cent higher than the preceding year of RM183.3 billion and the highest trade surplus ever recorded.

Alhamdulillah, throughout the ups and downs of the year, **TH** anchored our resilience on our strong sense of purpose. We remained steadfast in improving management efforts while enhancing our services through a greater digital focus. We have also been mindful of our responsibilities and obligations to our people and our communities and continued to deliver value to the country.

## PERUTUSAN Pengerusi

### Chairman's Statement

Walaupun Operasi Haji **TH** pada 2021 ditunda bagi tahun kedua berturut-turut berikutan COVID-19, kami tetap meneruskan persiapan yang meliputi pelbagai senario dan pelan kontingensi untuk operasi haji semasa pandemik, agar kami lebih bersedia apabila jemaah Malaysia dibenarkan untuk menunaikan haji semula. Penilaian dan usaha penambahbaikan perkhidmatan haji terus dilakukan selaras dengan Pelan Tindakan Pengurusan Haji 2021-2025. Kursus haji juga dianjurkan secara dalam talian bagi mendidik dan mempersiapkan jemaah haji dengan ilmu haji dan cara mengerjakan haji semasa pandemik.

### MENGEKALKAN PULANGAN YANG STABIL

Kami bersyukur atas prestasi kewangan menggalakkan yang dicapai oleh **TH** sepanjang tahun walaupun dalam persekitaran yang sukar. Bagi TK2021, **TH** memperoleh pendapatan RM3.23 bilion, iaitu peningkatan 2.4 peratus daripada RM3.15 bilion pada 2020. Pelaburan pendapatan tetap dan ekuiti telah menyokong daya tahan pendapatan pada 2021, menyumbang lebih 70 peratus daripada jumlah keseluruhan. Komitmen kami terhadap langkah pengurusan kewangan yang berhemat membawa kepada penurunan jumlah kos operasi sebanyak 4 peratus berbanding 2020.

Hasilnya, kedudukan kewangan **TH** bertambah kukuh, dengan aset berjumlah RM88.85 bilion melebihi liabiliti sebanyak RM85.55 bilion pada 31 Disember 2021. Jumlah deposit yang dijamin oleh kerajaan mencecah RM83.34 bilion menerusi kira-kira sembilan (9) juta pendeposit — catatan tertinggi dalam sejarah **TH** sejak penubuhannya 58 tahun lalu.

While **TH's** Hajj Operation for 2021 was deferred for the second year running due to COVID-19, we nevertheless continued with our preparations covering various scenarios and contingency plans for hajj operation during a pandemic, so we are well-prepared as and when Malaysian pilgrims can perform hajj. We continued to assess and improve our hajj services in tandem with the Hajj Blueprint 2021-2025. Hajj courses were also organised online to educate and prepare the pilgrims with hajj knowledge and how to perform hajj during a pandemic.

### SUSTAINING STEADY RETURNS

We are grateful for the favourable financial performance that **TH** achieved during the year despite the difficult environment. For FY2021, **TH** earned income of RM3.23 billion, which saw an increase of 2.4 per cent from RM3.15 billion in 2020. Fixed income and equity investments have supported income resilience in 2021, accounting for more than 70 per cent of the total. Our commitment to prudent financial management measures led to total operating costs dropping by 4 per cent compared to 2020.

As a result, our financial position strengthened further, with assets amounting to RM88.85 billion exceeding liabilities of RM85.55 billion as at 31 December 2021. Total deposits guaranteed by the government have reached RM83.34 billion through about nine (9) million depositors — the highest in the history of **TH** since its establishment 58 years ago.

“Penilaian dan usaha penambahbaikan perkhidmatan haji terus dilakukan selaras dengan Pelan Tindakan Pengurusan Haji 2021-2025. Kursus haji juga dianjurkan secara dalam talian bagi mendidik dan mempersiapkan jemaah haji dengan ilmu haji dan cara mengerjakan haji semasa pandemik.”

“We continued to assess and improve our hajj services in tandem with the Hajj Blueprint 2021-2025. Hajj courses were also organised online to educate and prepare the pilgrims with hajj knowledge and how to perform hajj during a pandemic.”



Pendapatan / Income

**RM3.23**

bilion / billion

meningkat / increase

**2.4%**

daripada RM3.15 bilion pada 2020  
from RM3.15 billion in 2020

Pelaburan pendapatan tetap **TH** (sukuk) telah menjana RM1.70 bilion yang menyumbang 52 peratus daripada jumlah keseluruhan pendapatan kasar **TH**. Pendapatan daripada pelaburan ekuiti menyumbang RM650 juta iaitu 20 peratus daripada jumlah pendapatan pada 2021 yakni 38 peratus lebih tinggi berbanding catatan RM470 juta pada 2020. Pelaburan hartanah menjana RM420 juta manakala pelaburan pasaran wang Islam dan lain-lain pendapatan hampir berganda kepada RM463.4 juta berbanding RM260.2 juta sebelumnya.

Selepas mengambilkira perbelanjaan dan peruntukan zakat, **TH** mencatat keuntungan boleh agih sebanyak RM2.46 bilion pada 2021, iaitu peningkatan 9.8 peratus berbanding RM2.24 bilion pada 2020.

Ini diterjemahkan kepada kadar pengagihan keuntungan yang kompetitif sebanyak 3.1 peratus, lebih tinggi daripada purata kadar simpanan tetap perbankan Islam untuk tempoh 12 bulan, iaitu 2.36 peratus. Peruntukan zakat sebanyak RM107 juta dibayar kepada semua Majlis Agama Islam Negeri bagi pihak pendeposit.

Melangkah ke hadapan, **TH** akan terus memperkukuhkan operasi, tadbir urus dan kedudukan kewangannya di kala ekonomi negara dijangka terus bertumbuh pada 2022.

**TH's** fixed income investments (sukuk) generated RM1.70 billion which accounts for 52 per cent of **TH's** total gross income. Income from equity investments contributed RM650 million which accounts for 20 per cent of total income for 2021 and is 38 per cent higher than RM470 million for 2020. Real estate investments earned RM420 million while Islamic money market investments and other income nearly doubled to RM463.4 million from RM260.2 million previously.

After considering expenditure and zakat allocation, **TH** recorded a distributable profit of RM2.46 billion for 2021, an increase of 9.8 per cent from RM2.24 billion in 2020.

This translates into a competitive profit distribution rate of 3.1 percent, higher than the average fixed deposit rate of Islamic banking for a period of 12 months, which is 2.36 per cent. The zakat allocation of RM107 million will be paid to all State Islamic Religious Councils on behalf of the depositors.

Moving forward, **TH** will continue to further strengthen our operations, governance and financial position with the country's economy expected to continue to grow in 2022.



Pelaburan pendapatan tetap **TH** (sukuk) / **TH's** fixed income investments (sukuk)

**RM1.70**  
bilion / billion



Pelaburan Ekuiti / Equity Investments

**RM650**  
juta / million



Pelaburan Hartanah / Real Estate Investments

**RM420**  
juta / million



Pelaburan Pasaran Wang Islam dan lain-lain pendapatan / Islamic Money Market Investments and other income

**RM463**  
juta / million

## PERUTUSAN PENERUSI

### Chairman's Statement

#### BERASASKAN TADBIR URUS YANG TEGUH

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, disiplin kewangan yang lebih ketat, budaya pengurusan risiko yang proaktif dan pematuhan terhadap tadbir urus korporat merupakan tonggak yang mempertahankan kemampuan prestasi **TH** dalam menghadapi ketidakpastian pada 2021. Para pelanggan, warga kerja dan pemegang taruh boleh meletakkan keyakinan mereka kepada kami untuk mendukung amalan tadbir urus yang baik – terutamanya dalam tempoh pergolakan dan perubahan yang hebat ini – yang mana ia amat penting dalam membina dan mengekalkan kepercayaan serta keyakinan mereka terhadap kami. Lembaga bertanggungjawab memantau dan memastikan tadbir urus korporat yang mantap dan kami akan terus menyemak dasar-dasar **TH** bagi memastikan amalan-amalan tadbir urus terbaik tersedia.

Di sepanjang tahun, tumpuan khusus diberikan kepada penubuhan Rangka Kerja Pengawasan **TH** sebagai asas tadbir urus korporat yang dipandu ke arah memenuhi objektif Maqasid Syariah, memastikan pematuhan Syariah dan mendokong integriti dalam semua tindakan. Rangka kerja ini tertumpu kepada empat (4) tonggak teras iaitu Nilai-nilai & Prinsip-prinsip Islam, Kepimpinan Beretika yang Efektif, Kawalan Dalaman & Pengurusan Risiko yang Efektif, serta Akauntabiliti terhadap Pemegang Taruh. Sehingga kini, sesi pertemuan dengan ketua-ketua jabatan berkaitan telah selesai dalam usaha kami memberi pemahaman mengenai rangka kerja ini kepada keluarga **TH**, di mana sokongan daripada pihak pengurusan dan warga kerja diperlukan bagi memupuk pengawasan dan memastikan prinsip-prinsipnya terus didokong. Sehingga kini, komponen-komponen Rangka Kerja Pengawasan **TH** sudah diterapkan di dalam proses kerja harian dan sedang diterapkan sebagai budaya **TH**.

#### GROUNDING IN STRONG GOVERNANCE

In the last few years, more stringent financial discipline, proactive risk management culture and strong adherence to corporate governance were the pillars laid to uphold our performance sustainability against the volatility of 2021. Our customers, employees and stakeholders can count on our unwavering commitment to upholding good governance practices - more so in a time of great upheaval and change - which are vital to building and maintaining their trust and confidence in us. The Board is responsible for overseeing and ensuring sound corporate governance and we continuously review **TH's** policies to ensure best governance practices are in place.

We devoted focus during the year, to establish a **TH** Stewardship Framework as the bedrock of our corporate governance guided towards fulfilling the objectives of Maqasid Shariah, ensuring Shariah Compliance and upholding integrity in all our actions. The framework centres around four (4) core pillars of Islamic Values & Principles, Effective Ethical Leadership, Effective Internal Controls & Risk Management, and Accountability to Stakeholders. To date, engagement sessions with heads of relevant functions have been completed as we work to cascade understanding of the framework to the **TH** family, as support from all management and staff is required to ingrain stewardship and ensure its principles are constantly upheld. To date, components of the **TH** Stewardship Framework are already embedded in our daily work processes and are being inculcated as the **TH** culture.

“Para pelanggan, warga kerja dan pemegang taruh boleh meletakkan keyakinan mereka kepada kami untuk mendukung amalan tadbir urus yang baik – terutamanya dalam tempoh pergolakan dan perubahan yang hebat ini – yang mana ia amat penting dalam membina dan mengekalkan kepercayaan serta keyakinan mereka terhadap kami.”

“Our customers, employees and stakeholders can count on our unwavering commitment to upholding good governance practices - more so in a time of great upheaval and change - which are vital to building and maintaining their trust and confidence in us.”



**TH** mengalu-alukan keputusan Kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyemak isu-isu pengurusan dan operasi berkaitan **TH** dari 2014 hingga 2020. Cadangan-cadangan RCI akan digunakan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan tadbir urus, operasi dan pelaburan **TH**. Ini akan membuka jalan ke arah merapatkan lagi sebarang jurang dalam tadbir urus kami serta mengukuhkan kepercayaan dan keyakinan pendeposit terhadap **TH**.

### MENYUMBANG MENERUSI ZAKAT DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Selain mendokong aspirasi jemaah haji dan para pendeposit, kami juga mempunyai tanggungjawab besar untuk menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi serta membantu golongan masyarakat yang kurang bernasib baik dan terpinggir. Melalui usaha kemasyarakatan pada tahun 2021, lebih 200,000 asnaf telah menerima pelbagai bantuan serta manfaat secara langsung daripada program-program zakat wakalah termasuk:

- **Program Iqra'** untuk Institut-institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Penganalisis Kewangan Bertauliah (CFA). Kami memperuntukkan RM8.0 juta dengan lebih 40,000 pelajar dari 10 universiti tempatan mendapat manfaat daripada program ini.
- **Program A'fiat** dengan peruntukan RM1.8 juta bagi membiayai pembelian lebih 80 katil untuk para pesakit COVID-19 di seluruh negara.
- **Program Mobiliti** menyumbang RM2.3 juta untuk pembelian 25 buah van untuk pusat-pusat kebajikan berdaftar di seluruh negara.
- **Program Ehsan** menyumbang bantuan kewangan sebanyak RM450,000 untuk 1,176 keluarga asnaf.



**TH** welcomes the Government's decision to establish a Royal Commission of Inquiry (RCI) to review issues of management and operations related to **TH** from 2014 to 2020. The recommendations made by the RCI will be used to improve and enhance **TH** governance, operations and investments. This will mark the way forward to further close any gaps in our governance and reinforce depositors' trust and confidence towards **TH**.

### GIVING BACK THROUGH ZAKAT AND CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY

While our purpose is to help support the aspirations of pilgrims and depositors, we also have a broader obligation to contribute to socio-economic development and serve the disadvantaged and underserved communities. In our efforts to support our communities in 2021, more than 200,000 asnaf have received various assistance and benefits directly from the zakat wakalah programmes which include:

- **Program Iqra'** for Public Institute of higher learning (IPTA) and Chartered Finance Analyst (CFA). We budgeted RM8.0 million with more than 40,000 students from 10 local universities benefitting from the programme.
- **Program A'fiat** with RM1.8 million allocated to fund the purchase of more than 80 beds mainly for COVID-19 patients across the country.
- **Program Mobiliti** contributed RM2.3 million to purchase 25 vans for registered welfare centres across the country.
- **Program Ehsan** contributed RM450,000 as financial aid to 1,176 asnaf families.



## PERUTUSAN Pengerusi

### Chairman's Statement

#### PERJALANAN MASA DEPAN

Persekitaran operasi di masa hadapan akan terus mencabar di sebalik prospek ekonomi global yang tidak menentu dan momentum pemulihan yang tidak sekata. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global dijangka menurun kepada 4.4 peratus pada 2022 berikutan kesan ekonomi konflik Rusia-Ukraine, kemunculan varian baharu COVID-19 yang tidak menentu dan berterusan, kenaikan harga tenaga, serta gangguan bekalan.

Pertumbuhan KDNK Malaysia dijangka berada di antara 5.3 peratus dan 6.3 peratus pada 2022, dipacu terutamanya oleh projek-projek pelaburan Belanjawan 2022 dan langkah-langkah dasar akomodatif, normalisasi aktiviti-aktiviti ekonomi dan sosial berikutan kadar vaksinasi yang tinggi serta peralihan negara ke fasa endemik, pembukaan semula sempadan antarabangsa, penyambungan semula projek-projek dengan kesan pengganda yang tinggi, dan pengembangan berterusan dalam permintaan luar.

Walaupun kami berharap kepada prospek yang lebih baik pada tahun 2022, risiko kekal cenderung meruncing. Kami komited menyokong pemulihan ekonomi dengan menyediakan bantuan yang diperlukan kepada pemegang taruh serta membantu memenuhi aspirasi mereka.

Walaupun dengan keperluan untuk menjalankan perniagaan dalam suasana norma baharu dan perubahan tingkahlaku, **TH** akan meneruskan pengurusan secara berhemah dan memudahkan pertumbuhan menerusi peningkatan operasi, di samping inisiatif pendigitalan moden yang dioptimumkan. Ini akan terus menjadi aspek keutamaan **TH** dalam usaha menambah baik operasi dan memanfaatkan inovasi agar kami dapat berkhidmat dengan lebih cekap dan produktif. Kami juga telah melaksanakan pelbagai aktiviti untuk mendorong pemegang taruh menerima inisiatif pendigitalan. Ini adalah penting untuk memacu pertumbuhan inklusif dan mewujudkan ekosistem digital yang lebih mantap.

#### OUR JOURNEY AHEAD

The operating environment ahead will continue to be challenging against an uncertain global economic outlook and uneven recovery momentum. Global Gross Domestic Product (GDP) is expected to decelerate to 4.4 per cent in 2022 due to the economic impact of the Russia-Ukraine conflict, the uncertain and continuing emergence of new COVID-19 variants, rising energy prices, and supply disruptions.


Malaysia's GDP growth is expected to chart between 5.3 per cent to 6.3 per cent in 2022, driven primarily by Budget 2022 investment projects and accommodative policy measures, normalisation of economic and social activities following the high vaccination rate and the country's move into the endemic phase, reopening of international borders, resumption of projects with high multiplier effects, and continued expansion in external demands.

Although we are hopeful for a better outlook in 2022, risks remain tilted to the downside. We steadfastly commit to supporting economic recovery by providing the necessary assistance to our stakeholders and enabling them to fulfil their aspirations.

In embracing the new normal of doing business and espousing behavioural changes, we shall continue to manage with prudence and facilitate growth through improved operations and optimised modern digitalisation initiatives. These will continue to be an area of priority for us as we look to improve operations and leverage innovations to serve with efficiency and greater productivity. We have also put in various initiatives to support and advocate our stakeholders to embrace digitalisation. This is important to drive toward more inclusive growth and foster a more robust digital ecosystem.

**“Kami komited menyokong pemulihan ekonomi dengan menyediakan bantuan yang diperlukan kepada pemegang taruh serta membantu memenuhi aspirasi mereka.”**

**“We steadfastly commit to supporting economic recovery by providing the necessary assistance to our stakeholders and enabling them to fulfil their aspirations.”**



## PENGHARGAAN

Sebagai penutup, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih atas pelantikan saya sebagai Pengerusi untuk menerajui **TH** pada Disember 2021. Bagi pihak **TH**, saya ingin menyampaikan penghargaan tulus ikhlas kepada mantan Pengerusi, Tan Sri Md Nor Yusof yang bersara pada 15 Oktober 2021, di mana pencapaian baik pada tahun lepas tercapai di bawah kepimpinan beliau.

Bagi pihak Lembaga, saya mengambil peluang ini untuk menyampaikan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia terutamanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Datuk Haji Idris Ahmad, dan juga YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, yang berkhidmat dari 10 Mac 2020 hingga 16 Ogos 2021, atas bimbingan dan sokongan mereka yang berterusan kepada **TH**.

Penghargaan istimewa kepada rakan-rakan anggota Lembaga atas sokongan dan nasihat yang tidak ternilai dalam memacu aspirasi **TH**. Pencapaian kami pada tahun ini juga tidak mungkin tercapai tanpa visi dan sikap dedikasi pasukan Pengurusan dan warga kerja yang diterajui oleh Dato' Sri Amrin Awaluddin, terutama cara mereka menangani situasi yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Hasil usaha mereka membolehkan **TH** mengharungi tahun yang sangat mencabar dengan jayanya.

Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan ahli-ahli Panel Pelaburan yang ditubuhkan pada 1 September 2021 iaitu Datin Maznah Mahbob, Dato' Azmar Talib, Puan Rosnah Dato' Kamarul Zaman, Tuan Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, YM Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman, Datuk Prof Dr. Mohamad Akram Laldin, Datin Paduka Kartini Abdul Manaf dan Tuan Hisham Zainal Mokhtar.

Akhir sekali, penghargaan diberikan kepada semua para pendeposit kami serta bakal jemaah haji atas sokongan dan kepercayaan berterusan mereka terhadap **TH**. Dengan adanya strategi yang mantap dan pasukan profesional yang berdedikasi, saya yakin bahawa **TH** berada pada kedudukan yang baik untuk menyokong pemegang taruh dalam usaha pemulihan serta membina masa hadapan yang berdaya tahan dan mampan.

Pelbagai peluang terbentang di hadapan jika kita mencari dengan niat yang ikhlas, Insya-Allah. Semoga Allah SWT terus mengurniakan kita kebijaksanaan dan ketabahan dalam menuju jalan yang benar. Amin.

Terima Kasih

**Tan Sri Azman Haji Mokhtar**

Pengerusi  
Chairman

## IN APPRECIATION

In closing, I wish to first of all express my appreciation for being chosen to helm **TH** as the Chairman in December 2021. I would like to especially place on record, on behalf of **TH**, our sincere and utmost gratitude to my predecessor, Tan Sri Md Nor Yusof who retired on 15 October 2021, under whose leadership the year's good performance was achieved.

On behalf of the Lembaga, I would like to take this opportunity to express our deepest appreciation to the Malaysian Government especially to our Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs), YB Senator Datuk Haji Idris Ahmad, and also YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, who served from 10 March 2020 until 16 August 2021, for their relentless guidance and unwavering support to **TH**.

Special thanks also goes to my esteemed colleagues on the Lembaga - for their invaluable support and counsel in driving **TH**'s aspirations. Our accomplishments for the year could not have been possible without the vision and dedication demonstrated by our Management team and staff, led ably by Dato' Sri Amrin Awaluddin, especially how they have responded well during this unprecedented situation. It was largely thanks to their efforts that we were able to successfully navigate a very demanding year.

I would also like to welcome the distinguished members of the investment Panel that was formed on 1 September 2021, namely Datin Maznah Mahbob, Dato' Azmar Talib, Puan Rosnah Dato' Kamarul Zaman, Tuan Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, YM Tengku Dato' Seri Hasmuddin Tengku Othman, Datuk Prof Dr. Mohamad Akram Laldin, Datin Paduka Kartini Abdul Manaf and Tuan Hisham Zainal Mokhtar.

Last but certainly not least, my gratitude goes out to all our depositors and prospective hajj pilgrims for their continuous support and unwavering trust in **TH**. With a sound strategy and a team of motivated professionals in place, I believe we are in a good position to support our stakeholders along their path to recovery and build toward future resilience and sustainability.

The way forward is paved with opportunities if we search with sincere intentions, Insya-Allah. May Allah SWT continue to grant us wisdom and perseverance towards the right path. Amin.

Thank you

# LEMBAGA

Untuk para pendeposit yang dihargai, terima kasih atas sokongan dan keyakinan berterusan terhadap **TH**. Bersama, kita telah membuktikan bahawa segala kemungkinan boleh dicapai dalam membantu **TH** melakar pencapaian-pencapaian baharu.

Alhamdulillah, setiap kejayaan yang diperoleh adalah usaha bersama di mana setiap individu memainkan peranan terbaik masing-masing dan yakin akan keikhlasan tujuan kami. Dengan rahmat Allah, kami berjaya kekal tabah dan dinamik dalam mengharungi satu lagi tahun yang sangat mencabar. Kami yakin dengan bimbingan anggota Lembaga, hala tuju yang jelas, sokongan daripada Kerajaan dan pengawal selia serta kekuatan dan dedikasi warga kerja, kami akan terus melaksanakan misi dalam usaha mencipta lebih banyak nilai untuk para pemegang taruh, Insya-Allah.

Terima kasih.

### Dato' Sri Amrin Awaluddin

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif  
Group Managing Director and Chief Executive Office

## APPRECIATION & GRATITUDE

If there is anything that history has taught us, it is that change and volatility will remain. Looking ahead, we are cautiously optimistic that the worst of the economic impact of the COVID-19 pandemic will soon be behind us.

On behalf of everyone at **TH**, I would like to thank the Malaysian government, led by the Prime Minister YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob and the Cabinet Ministers, as well as other regulatory authorities and government agencies for their ongoing guidance and assistance.

All our progress has been due to the Management, staff and **TH's** strategic partners who have performed with integrity, professionalism and dedication. With the guidance of a strong leadership team, I believe we are in a good position to drive our strategies forward and deliver value to our stakeholders.

Our appreciation goes out to the members of the Lembaga for their invaluable support and counsel throughout the year. I would also like to take this opportunity to extend the entire Lembaga's appreciation to Tan Sri Md Nor Yusof who retired on 15 October 2021, for his invaluable contributions over the past three years and we welcome our new Chairman, YBhg Tan Sri Azman Mokhtar who joined us on 20 December 2021. Tan Sri Azman's illustrious career in both the corporate world and in public service is expected to further drive **TH's** ongoing efforts to become an Islamic institution respected for its performance and governance, in line with our mandate of facilitating Malaysian Muslims to save for the purpose of hajj.

To our valued depositors, thank you for your continued faith and support in **TH**. Together we have shown that new possibilities are achievable and have helped **TH** reach new heights.

Alhamdulillah, success is a shared journey where we each play a role to the best of our ability and trust in the sincerity of our purpose. With the blessings of Allah, we have stayed resilient and dynamic through another exceptionally challenging year. The sound guidance of the Lembaga members, the clear directions and support set out by the Government and regulators, and the strength and dedication of our people will ensure that we continue to deliver on our mandate and create value for our stakeholders, Insya-Allah.

Thank you.

## OBJEKTIF STRATEGIK: ENAM (6) OBJEKTIF STRATEGIK UTAMA

### Strategic Objective: Six (6) Strategic Objectives

#### MEMAJUKAN OBJEKTIF STRATEGIK KAMI

Sebagai sebuah institusi pengurusan haji bertaraf dunia, **TH** harus sentiasa bersedia menghadapi perubahan agak kekal efektif dan relevan. Ini termasuk mengambil langkah-langkah berani dalam memperkukuhkan kedudukannya bagi memenuhi permintaan pihak-pihak berkepentingan yang sentiasa berubah. Menyeimbangkan aspek pertumbuhan sebagai sebuah 'Tabung' dengan fokus ke atas 'Haji' adalah mustahak dalam mencapai perjalanan operasi yang mampan.

Pengurusan Haji sentiasa menjadi teras dalam mandat **TH**, seperti yang termaktub dalam Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). Ini merangkumi pengumpulan deposit daripada jemaah haji dan pengurusan perjalanan Haji ke Tanah Suci. Ini kemudiannya berkembang kepada aktiviti-aktiviti muamalat yang lebih pelbagai dengan tumpuan ke atas kebajikan jemaah haji Malaysian serta memenuhi teras dasar pembangunan ekonomi negara untuk umat Islam di Malaysia.

Skop Pengurusan Deposit dan Pentadbiran Dana kini membentuk tiga teras Objektif Strategik kami berserta Pengurusan Haji. Pengurusan deposit yang baik dan pentadbiran dana yang profesional membantu menjana pulangan yang mampan, yang seterusnya menghasilkan sokongan yang lebih baik untuk kos asas dalam memastikan pengurusan haji yang cemerlang. Operasi yang efektif dalam aspek-aspek ini harus disokong oleh Modal Insan yang baik dan Tadbir Urus yang boleh dipercayai.

#### PROGRESSING ON OUR STRATEGIC OBJECTIVES

As one of the world-class hajj management institutions, **TH** must always be ready for change in order to remain effective and relevant. This includes undertaking bold measures to strengthen its position to meet the evolving demand of stakeholders. Maintaining a balance between growing as a 'Tabung' and focus on "Haji" is vital in achieving sustainable operations.

Hajj management has always been the core of **TH's** mandate, as governed by the Tabung Haji Act 1995 (Act 535). This encompassed the collection of deposits from pilgrims and provision of efficient Hajj journey to the holy land. This evolved into more diversified *muamalat* activities over the years with the focus on the welfare of Malaysian pilgrims growing to include fulfilling the national economic development policy thrusts for Malaysian Muslims.

The scope of Deposit Management and Fund Administration now form the trio of core Strategic Objectives, together with Hajj Management. Good deposit management and professional fund administration help generate sustainable returns, which in turn result in better support of underlying cost in ensuring excellent hajj management. Highly effective operations on these fronts must in turn be supported by good Human Capital and trusted Governance.



Kesemua aspek-aspek ini membentuk Objektif-objektif Strategik **TH** – tonggak perjalanan transformasi **TH** ke arah pencapaian yang lebih tinggi. Bagi memastikan bahawa operasi **TH** kekal kalis masa hadapan dan kompetitif, inisiatif-inisiatif strategik dicipta di bawah tonggak-tonggak ini demi manfaat pendeposit, jemaah haji dan umat Islam di Malaysia secara amnya.

Kami kekal yakin bahawa dengan menumpukan perhatian ke atas Objektif-objektif Strategik ini, komitmen **TH** dalam mendokong kepercayaan yang diberikan oleh pendeposit kami akan terus berkekalan.

Together, these make up **TH's** Strategic Objectives – the pillars of **TH's** transformation journey towards greater heights. In order to ensure **TH's** operations remain future proof and competitive, strategic initiatives are crafted under these pillars for the benefit of its depositors, hajj pilgrims and Malaysian Muslims as a whole.

We remain confident that by focusing on these Strategic Objectives, **TH's** commitment to uphold the trust given by our depositors will continue to hold true.



## OBJEKTIF STRATEGIK **01** PENGURUSAN HAJI

### Strategic Objective Hajj Management

#### PERSIAPAN HAJI MUSIM 1442H/2021M

Perancangan untuk pelaksanaan haji bagi Musim Haji 1442H/2021M telah bermula sejak bulan Ogos 2020 bersamaan Muharram 1442H. **TH** telah mengatur dan merancang Operasi Haji 1442H setelah mengambil kira pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia, dengan mengadakan pelbagai inisiatif bagi memastikan keselamatan dan kebajikan Jemaah Haji Malaysia diutamakan di samping terus menerima perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang.

Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan (MHPK) ke 37, Musim Haji 1442H/2021M telah dilaksanakan buat pertama kalinya secara dalam talian dan *hybrid*. Seramai 500 orang Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA) telah mengikuti MHPK 37 bagi membincangkan lima (5) kertas kerja yang dibentangkan oleh ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji bertemakan "Menghayati Istito'ah Haji Dalam Menangani Wabak". Di akhir muzakarah, 17 resolusi telah dihasilkan meliputi pelbagai aspek hukum berkaitan dengan istito'ah ibadat haji di musim wabak.

Di dalam suasana pandemik yang melanda, usaha membimbing bakal-bakal haji tetap diteruskan dengan mengadakan Kursus Asas Haji secara atas talian yang berlangsung sebanyak 14 siri bermula 5 Februari hingga 21 Mac 2021.

Dengan gelombang pandemik COVID-19 yang masih dalam fasa peningkatan, **TH** telah mengambil inisiatif mengadakan *Scenario Planning* COVID-19. Ini merupakan inisiatif **TH** bagi menyediakan panduan melaksanakan operasi haji di dalam suasana pandemik. Pelan ini meliputi operasi secara menyeluruh iaitu operasi di tanah air dan juga operasi di tanah suci.

Perbincangan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diadakan bagi membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Protokol Kesihatan untuk jemaah haji dan petugas haji semasa operasi dalam suasana pandemik COVID-19.

Namun pada 12 Jun 2021 (2 Zulkaedah 1442H), Kerajaan Arab Saudi melalui Tuan Yang Terutama Dr. Abdelfattah Sulaiman Mashat, Timbalan Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi telah membuat kenyataan media berkaitan penglibatan jemaah haji 1442H yang dihadkan hanya untuk warganegara dan pemastautin di Arab Saudi.

Pada tarikh yang sama, YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) juga telah mengeluarkan kenyataan media berkaitan keputusan Kerajaan Malaysia untuk tidak menghantar jemaah haji bagi Musim Haji 1442H sebagai menghormati keputusan Kerajaan Arab Saudi.

#### PREPARATION FOR HAJJ SEASON 1442H/2021M

Planning for the 1442H/2021M Hajj Season began in August 2020, corresponding to the month of Muharram 1442H. **TH** organised and planned for the 1442H Hajj Operation taking into account the global impact of the COVID-19 pandemic and having several initiatives to ensure the safety and welfare of the Malaysian Hajj Pilgrims and that they receive the best services.

The 37<sup>th</sup> National Hajj Muzakarah (MHPK) for Hajj Season 1442H/2021M, was implemented on both online and hybrid platforms for the first time. A total of 500 members of the Homeland Hajj Guidance Facilitator attended MHPK 37 to discuss five (5) papers presented by members of the Hajj Pilgrimage Advisory Committee on the theme of "Istito'ah in Hajj during Pandemic". The seminar concluded with 17 resolutions related to Istito'ah in hajj during a pandemic period.

Regardless of the pandemic, continuous effort to guide and educate prospective pilgrims remains as our focus, whereby 14 series of Kursus Asas Haji took place via online from 5 February until 21 March 2021.

As the COVID-19 wave is still in escalation phase, **TH** has taken the initiative to set up a plan called COVID-19 Scenario Planning. It is a continuous effort by **TH** to provide a proper plan as a guide and reference to execute hajj operations in both domestic as well as Saudi.

Discussions with the Ministry of Health Malaysia (MOH) were held to develop the Standard Operating Procedures (SOP) and Health Protocol for pilgrims and staff during hajj operations with COVID-19 pandemic.

On 12 June 2021 (2 Zulkaedah 1442H), the Kingdom of Saudi Arabia, through His Excellency Dr. Abdelfattah Sulaiman Mashat, Saudi Arabia's Deputy Minister of Hajj and Umrah, announced the decision to limit the 1442H pilgrimage to citizens and residents within Saudi Arabia.

On the same date, YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) made the announcement regarding the Malaysian Government's decision not to send Malaysian Pilgrims for the Hajj Season 1442H.

Keputusan ini diambil selepas mengambil kira situasi semasa dan mutakhir pandemik COVID-19 yang membimbangkan di seluruh dunia dan ia juga selaras dengan salah satu prinsip Maqasid Syariah yang sentiasa dijunjung oleh kerajaan Malaysia iaitu *hifz al-nafs* (memelihara nyawa).

### PERJALANAN HAJI 1442H

Kerajaan Arab Saudi telah membenarkan seramai 60,000 jemaah haji yang terdiri daripada rakyat dan penduduk di Arab Saudi sahaja untuk menunaikan haji pada tahun 1442H. Antara syarat-syarat yang dikenakan adalah berumur 18 hingga 65 tahun, lengkap 2 dos vaksin, tiada penyakit kronik dan tidak mengerjakan haji bagi 5 tahun sebelumnya. Pendaftaran perlu dibuat melalui e-Platform dan wanita boleh mendaftar secara individu tanpa mahram.

Selain itu, Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi juga menawarkan tiga (3) pakej haji kepada Jemaah Haji 1442H, iaitu:

- **Pakej Khemah (Ekonomi)** berharga SR13,931.05 seorang (termasuk VAT 15%) menyediakan khemah di Arafah dan Mina;
- **Pakej Khemah (Premium)** berharga SR16,539.25 seorang (termasuk VAT 15%) menyediakan khemah di Arafah dan Mina;
- **Pakej Apartmen (Premium)** berharga SR19,044.58 seorang (termasuk VAT 15%) menyediakan khemah di Arafah dan apartment di Mina.

This decision was implemented due to the situation surrounding the COVID-19 pandemic at that time and was in line with *hifz al-nafs* (preservation of life), one of the Maqasid Shariah principles upheld by the Malaysian government.

### HAJJ JOURNEY 1442H

For the year 1442H, the Government of Saudi Arabia allowed a total of 60,000 pilgrims consisting of citizens and residents in Saudi Arabia only to perform hajj, provided that they met the conditions of being within 18 to 65 years of age, with completion of 2 doses of vaccines, having no chronic diseases and had not perform hajj 5 years prior to 1442H. Registration must be done through the e-Platform with women being able to register individually without a mahram.

In addition, the Ministry of Hajj & Umrah Saudi Arabia also offered three (3) hajj packages to the 1442H Hajj Pilgrims, namely:

- **Tent Package (Economy)** priced at SR13,931.05 per person (including VAT 15%) providing tents in Arafah and Mina;
- **Tent Package (Premium)** priced at SR16,539.25 per person (including VAT 15%) providing tents in Arafah and Mina;
- **Apartment Package (Premium)** priced at SR19,044.58 per person (including VAT 15%) providing a tent in Arafah and an apartment in Mina.

## Syarat-syarat

Mengerjakan Haji 1442H  
oleh Arab Saudi

**Conditions**  
for Performing Hajj 1442H  
by Saudi Arabia

Berumur **18-65** tahun  
Age **18 - 65** years old



Lengkap **2** dos vaksin  
Completed **2** doses of  
vaccine



Tiada Penyakit Kronik  
No Chronic Diseases



### Pendaftaran Secara Individu / Individual Registration

Wanita dibenarkan untuk mendaftar **tanpa mahram**  
Women are allowed to register **without mahram**



Tidak mengerjakan haji bagi 5 tahun sebelumnya  
Have not performed hajj for the last 5 years



Pendaftaran melalui e-platform  
Registration through e-Platform



<http://localhaj.gov.sa>



## OBJEKTIF STRATEGIK **01** PENGURUSAN HAJI

### Strategic Objective Hajj Management

Pihak Kerajaan Arab Saudi juga telah menyediakan beberapa perkhidmatan untuk Jemaah Haji 1442H bagi memastikan kelancaran pengurusan haji di musim wabak. Antara perkhidmatan yang disediakan ialah pasukan medik dan ambulans beroperasi 24 jam, pek makanan siap dimasak, bas khas, talian ibadat pelbagai bahasa dan perkhidmatan keselamatan.

Seramai lima (5) warga kerja **TH** di Pejabat **TH** KSA telah berpeluang menunaikan haji bersama-sama 255 orang rakyat Malaysia lain yang bermastautin di Arab Saudi. Ia bertujuan untuk meneliti serta mempelajari cara pengendalian haji semasa wabak bagi **TH** membuat perancangan dan persediaan bagi musim haji akan datang. Pejabat **TH** KSA telah bekerjasama dengan Konsulat Jeneral Malaysia di Jeddah untuk menganjurkan Kursus Intensif Haji secara atas talian kepada rakyat Malaysia yang terpilih menunaikan haji.

The Government of Saudi Arabia also provided a number of services for the 1442H Hajj Pilgrims to ensure smooth hajj management during the pandemic. Among the services provided are a 24-hour medical and ambulance team, ready-to-eat food packs, special buses, multilingual prayer lines and security guards.

A total of five (5) **TH** employees at the **TH** KSA Office had the opportunity to perform haji alongside 255 other Malaysians residing in Saudi Arabia. The objective is to observe and learn on how to conduct hajj operation during pandemic. An Intensive Hajj Course online was also organized for the selected participants by the **TH** KSA office in collaboration with the Consulate General of Malaysia in Jeddah.



## SOP/PROTOKOL PERJALANAN HAJI OLEH KERAJAAN ARAB SAUDI

Prosedur Operasi Standard (SOP) mengenai penjarakan fizikal dan pelbagai protokol kesihatan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Arab Saudi untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan jemaah haji. Teknologi digital diperkenalkan secara meluas melalui penggunaan aplikasi seperti *Absher*, *Tawakkalna*, *Shaaer* dan *Manasikana*, Permit Haji Digital, Kad Pintar Haji yang dilengkapi dengan maklumat jemaah haji dan peranti pintar.


Alhamdulillah perjalanan haji 1442H telah dilaksanakan dengan jayanya dengan mengambil kira prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh World Health Organization (WHO) serta pihak berkaitan. Kejayaan ini juga menunjukkan ketersediaan kerajaan Arab Saudi dalam menguruskan haji ketika situasi pandemik sekaligus memberi keyakinan kepada negara-negara Islam lain untuk menguruskan pelaksanaan haji pada masa-masa akan datang.

## PENCAPAIAN RANGKA TINDAKAN PENGURUSAN HAJI 2021-2025

Pemantauan yang berterusan ke atas pencapaian Rangka Tindakan Pengurusan Haji Tahun 2021 berjaya merekodkan prestasi cemerlang. **TH** berjaya menangani cabaran situasi pandemik COVID-19 dengan pelaksanaan inisiatif strategik, sistematik dan inovatif seperti yang termaktub dalam Rangka Tindakan Pengurusan Haji. Ianya untuk memastikan kecemerlangan berterusan pengurusan dan perkhidmatan haji.

### PELAN TINDAKAN: RANGKA TINDAKAN PENGURUSAN HAJI 2021-2025

#### Action Plan: Hajj Blueprint 2021-2025



## HAJJ JOURNEY SOP/PROTOCOLS BY THE GOVERNMENT OF SAUDI ARABIA

The Government of Saudi Arabia had implemented Standard Operating Procedures (SOP) regarding physical distancing and various health protocols to ensure the safety and well-being of pilgrims. Additionally, digital technology was widely introduced with the use of applications such as *Absher*, *Tawakkalna*, *Shaaer* and *Manasikana*, Digital Hajj Permits, Hajj Smart Cards equipped with the pilgrim's information, and smart devices.

Alhamdulillah, the 1442H Hajj journey was successfully carried out in line with the procedures and guidelines set by the World Health Organization (WHO) and related parties. This success also shows the readiness of the Saudi Arabian government in managing hajj during the pandemic, providing confidence to other Muslim countries in their future management and implementation of hajj.

## ACHIEVEMENT OF THE HAJJ BLUEPRINT 2021-2025

Several key achievements were recorded through continuous monitoring of the 2021 Hajj Blueprint. **TH** successfully tackled the challenges of the COVID-19 pandemic situation by systematically implementing strategic and innovative initiatives as stipulated in the blueprint. This ensured the continued excellence of hajj management and services, eventhough there was no hajj operations for 1442H.

## OBJEKTIF STRATEGIK **01** PENGURUSAN HAJI


### Strategic Objective Hajj Management

Untuk tahun 2021, sebanyak 31 program telah dilaksanakan mewakili 94 peratus dari sasaran Rangka Tindakan Pengurusan Haji 2021.

A total of 31 programmes have been implemented representing 94 per cent of the targets set in the 2021 Hajj Blueprint.

### RENTETAN PENCAPAIAN SETAKAT 31 DISEMBER 2021

#### Snapshot of Achievement until 31 December 2021



### KESIMPULAN

Di sebalik pandemik COVID-19 yang melanda dunia, **TH** terus bergerak memperkasa pengurusan haji. Pencapaian inisiatif strategik di dalam Rangka Kerja Tindakan Pengurusan Haji merupakan antara usaha-usaha **TH** dalam memantapkan pengurusan haji untuk terus cemerlang dan terbilang.

### CONCLUSION

Despite the global impact of the COVID-19 pandemic, **TH** continues to enhance the service delivery of hajj management. The achievement of the strategic initiatives in the Hajj Blueprint represents **TH's** efforts to continuously excel in hajj management.

## OBJEKTIF STRATEGIK **02** PENTADBIRAN DANA

### Strategic Objective Fund Administration

#### PERUNTUKAN ASET


Aset di bawah pengurusan **TH** telah berkembang dengan stabil daripada RM79.6 bilion untuk tahun berakhir 31 Disember 2020 kepada RM86.6 bilion pada tahun berakhir 31 Disember 2021. Kenaikan aset di bawah pengurusan ini disumbang oleh peningkatan bersih deposit simpanan sebanyak RM5.1 bilion, diikuti dengan jumlah aset bersih di bawah pengurusan sebanyak RM1.9 bilion pada 31 Disember 2021.

Pada 31 Disember 2021, jumlah keseluruhan pendedahan aset-aset **TH** adalah sebanyak 57 peratus dalam Pendapatan Tetap (SAA: 58 peratus), 24 peratus dalam Ekuiti (SAA: 26 peratus), 8 peratus dalam Hartanah (SAA: 11 peratus) dan 11 peratus dalam Pasaran Wang Islam dan Modal Kerja (SAA: 5 peratus).

#### ASSET ALLOCATION

**TH** Asset Under Management (AUM) have grown steadily from RM79.6 billion for the year ended 31 December 2020 to RM86.6 billion in the year ended 31 December 2021. The AUM growth was largely contributed by the increasing net deposit saving of RM5.1 billion, followed by total net asset under management of RM1.9 billion by 31 December 2021.

As at 31 December 2021, **TH** has a total exposure of 57 per cent in Fixed Income (SAA: 58 per cent), 24 per cent in Equities (SAA: 26 per cent), 8 per cent in Properties (SAA: 11 per cent) and 11 per cent in Islamic Money Market and Working Capital (SAA: 5 per cent).



#### PRESTASI

**TH** mencatatkan jumlah pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM3,424 juta yang mana RM3,137 juta disumbangkan oleh hasil pendapatan pasif dan pendapatan lain, manakala RM288 juta adalah dari keuntungan perdagangan. Jumlah pendapatan boleh agih adalah sebanyak RM2,583 juta selepas ditolak kos pentadbiran dan Zakat berjumlah RM623 juta serta jangkakan kemerosotan kredit (ECL) dan rosot nilai sebanyak RM218 juta.


#### PERFORMANCE

**TH** has recorded a total realised income of RM3,424 million, of which RM3,137 million was contributed by passive investment revenue and other incomes, while RM288 million were from trading gains. After the deductions of administration cost and Zakat of RM623 million and expected credit loss (ECL) and impairment of RM218 million, the total distributable income for financial year 2021 was RM2,583 million.

## OBJEKTIF STRATEGIK 02 PENTADBIRAN DANA

Strategic Objective Fund Administration

### Pecahan Jumlah Pendapatan Boleh Agih pada 31 Disember 2021 Breakdown of Total Distributable Income as at 31 December 2021



### PROSPEK

Pemulihan global dijangka berterusan didorong transisi daripada pandemik kepada endemik. Peningkatan mobiliti dilihat dapat mendorong pertumbuhan produktiviti, pekerjaan, perdagangan antarabangsa, pendapatan korporat dan pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, momentum pertumbuhan dijangka diimbangi oleh peningkatan risiko geopolitik, inflasi yang tinggi dan kenaikan kadar faedah. Hal ini berkemungkinan menghasilkan kadar pemulihan dan pertumbuhan yang tidak seimbang merentasi ekonomi, industri dan kelas aset. **TH** akan terus berusaha mencari keseimbangan dalam usaha menjana pulangan yang mapan dan melindungi portfolio di sebalik variasi risiko-pulangan yang dinyatakan.

### OUTLOOK

Global recovery is expected to continue to gain traction as the world transitions from pandemic to endemic. Improved mobility should drive higher productivity, employment, international trade, corporate earnings and the overall economic expansion. However, the momentum could be moderated by intensifying geopolitical risk, high inflation and interest rate hikes. This could result in uneven pace of recovery and growth across economies, industries and asset classes. **TH** will continue to strive to strike the right balance between seeking sustainable returns and protecting portfolio health amidst the abovementioned risk-reward variables.

## OBJEKTIF STRATEGIK **03** PENGURUSAN DEPOSIT

### Strategic Objective Deposit Management

#### MENANGANI CABARAN

Penularan wabak COVID-19 pada awal tahun 2020 memberi impak dan cabaran luar biasa kepada persekitaran kerja, ekonomi, serta kewangan, dan impak tersebut berlanjutan sehingga tahun 2021. Dalam menghadapi cabaran pandemik, **TH** sentiasa mendukung visi, misi dan nilai teras untuk memastikan perkhidmatan yang cemerlang, serta berkesan dapat diberikan kepada para pendeposit. Fokus utama **TH** adalah untuk memastikan para pendeposit terus mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan dan ia menjadi cabaran utama **TH** khususnya dalam tempoh pandemik ini.

**TH** menyahut cabaran untuk terus komited memastikan perkhidmatan dapat disampaikan dengan mengambil kira situasi norma baru yang menghadkan pendeposit berurusan secara fizikal di cawangan **TH** disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (**PKP**).

**TH** memfokuskan perkhidmatan atas talian iaitu **THiJARI** sebagai alternatif dalam memastikan pendeposit terus mendapat akses kepada perkhidmatan **TH**. Melalui 123 cawangannya dan dibantu oleh saluran alternatif melalui lebih 10 ribu titik sentuh di seluruh Malaysia, **TH** sentiasa berusaha untuk menyediakan pelbagai kemudahan secara komprehensif dan sistematik kepada 8.41 juta para pendepositnya.

#### OVERCOMING CHALLENGES

The Covid-19 outbreak in early 2020 had a tremendous impact that has disrupted the work environment, economy and finance, which had continued to do so in 2021. In facing the pandemic challenges, **TH** constantly upheld its vision, mission and core values to ensure the depositors receive effective and excellent service delivery. This proved to be a key challenge during the pandemic.

**TH** responded to the challenge by staying committed in ensuring the services were delivered even as the new norms restricted depositors from the conventional physical transactions at **TH** branches due to the series of Movement Control Orders (**MCO**).

As an alternative service channel for its depositors, **TH** focused on its online service, **THiJARI**. Through 123 branches, assisted by over ten thousand touch points throughout Malaysia, **TH** constantly strives to provide a comprehensive and systematic range of facilities to its 8.41 million depositors.

# 8.41

Juta / Million



Pendeposit  
Depositors

# 10,000



Titik Sentuh  
Touch Points

# 123



Cawangan  
Branches

## OBJEKTIF STRATEGIK **03** PENGURUSAN DEPOSIT

### Strategic Objective Deposit Management

#### THiJARI PILIHAN HATI

THiJARI telah diperkenalkan untuk meningkatkan kecekapan terhadap penyampaian perkhidmatan ke arah amalan norma baharu dan mengurangkan transaksi fizikal.

Sepanjang tahun 2021, jumlah pengguna THiJARI telah berdaftar adalah sebanyak 662,481 dan jumlah keseluruhan pengguna adalah sebanyak 1,154,938. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 26 peratus berbanding tahun 2020 yang merekodkan sebanyak 492,457 pengguna. Jumlah ini menunjukkan peningkatan dalam kesedaran di antara para pendeposit bagi mendapatkan perkhidmatan TH melalui perkhidmatan dalam talian yang disediakan.

Kemudahan baru yang ditawarkan kepada pengguna THiJARI sepanjang tahun 2021 adalah:

- FPX
- JomPAY
- eMandate (*Direct Debit*)
- *Virtual Account Opening* (VAO)
- Sadaqah
- Dam dan Qurban
- Penerimaan Tawaran Haji

TH juga telah menyediakan kemudahan baru kepada majikan melalui THiJARI Biz bermula pada 14 Disember 2021. Ia adalah perkhidmatan dalam talian yang membolehkan majikan berdaftar membayar caruman potongan gaji bulanan pekerja ke dalam akaun TH.

Jumlah transaksi THiJARI bagi tahun 2021 adalah sebanyak 15.5 juta dan di bawah adalah urusan yang lazim digunakan:  
The total number of THiJARI transactions for 2021 was 15.5 million and the table below lists the popular transactions:

Bil. / No.	Urusan / Transaction	Jumlah / Total
1.	Ringkasan Akaun / <i>Summary of Accounts</i>	13,297,948
2.	Pindahan Simpanan / <i>Savings Transfers</i>	598,446
3.	FPX	247,957
4.	JomPAY	509,529
5.	eMandate ( <i>Direct Debit</i> )	52,098
6.	<i>Virtual Account Opening</i> (VAO)	89,870
7.	THiJARI Biz ( <i>Salary Deduction Registration</i> )	142
8.	Lain-lain / <i>Others</i>	764,223

#### THiJARI IS WINNING HEART

THiJARI was introduced to improve the efficiency of service delivery in line with new norms and reduced physical transactions.

In 2021, the number of new THiJARI users rose to 662,481 and the number of total users reached 1,154,938. This marked a 26 per cent increase in users compared to 2020 which recorded a total of 492,457 users. This indicates a significant jump in awareness of depositors to obtain TH services through online services.

The new facilities offered to THiJARI users throughout 2021 were:

- FPX
- JomPAY
- eMandate (*Direct Debit*)
- *Virtual Account Opening* (VAO)
- Sadaqah
- Dam and Qurban
- Acceptance of Hajj Offers

TH also provided a new platform for employers through THiJARI Biz starting 14 December 2021. It is an online service offered by TH to enable registered employers to conduct monthly salary deductions for employees into their TH account.

Perkhidmatan terkini yang ditawarkan melalui **THiJARI** adalah seperti berikut:  
The latest services offered through **THiJARI** are as follows:

Bil. / No.	Urusan / Transaction	Perkhidmatan / Services	
1.	Urusan Simpanan Savings Management	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan akaun, rekod dan transaksi</li> <li>• Muat turun penyata akaun</li> <li>• Pindahan Simpanan dari Akaun <b>TH</b> ke Akaun <b>TH</b> (akaun tanggungan dan pihak ketiga)</li> <li>• Penetapan akaun kegemaran</li> <li>• Kemaskini profil peribadi</li> <li>• FPX</li> <li>• JomPAY</li> <li>• eMandate (Direct Debit)</li> <li>• Sadaqah</li> <li>• Dam dan Qurban</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Review of accounts, records and transactions</li> <li>• Download account statements</li> <li>• Funds Transfer from <b>TH</b> Account to <b>TH</b> Account (dependent and third party accounts)</li> <li>• Setting favorite accounts</li> <li>• Update personal profiles</li> <li>• FPX</li> <li>• JomPAY</li> <li>• eMandate (Direct Debit)</li> <li>• Sadaqah</li> <li>• Dam and Qurban</li> </ul>
2.	Urusan Haji Hajj Management	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendaftaran Haji</li> <li>• Semakan status pendaftaran Haji</li> <li>• Semakan status tawaran Haji</li> <li>• Rayuan Haji</li> <li>• Muat turun slip pendaftaran Haji dan surat tawaran Haji</li> <li>• Muat turun jadual penerbangan Haji</li> <li>• Semakan lokasi dan tarikh kursus Haji</li> <li>• Muat turun nota kursus asas Haji</li> <li>• Bayaran Dam</li> <li>• Bayaran Qurban</li> <li>• Penerimaan tawaran Haji</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hajj Registration</li> <li>• Review of Hajj registration status</li> <li>• Pilgrimage offers status checking</li> <li>• Hajj Appeal</li> <li>• Download Hajj registration slip and Hajj offer letter</li> <li>• Download the Hajj flight schedule</li> <li>• Check the location and date of the Hajj course</li> <li>• Download basic Hajj course notes</li> <li>• Dam Fee</li> <li>• Qurban Payment</li> <li>• Acceptance of Hajj offers</li> </ul>
3.	Urusan Lain Other Business	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sadaqah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sadaqah</li> </ul>
4.	Kelab TaHa Kelab TaHa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan e-Kad keahlian</li> <li>• Direktori dan lokasi Rakan Kelab TaHa</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membership e-Card review</li> <li>• Directory and location of Kelab TaHa Partners</li> </ul>

**TH** juga sedang merancang untuk menambahbaik lagi urusan di dalam **THiJARI** dengan menyediakan ciri-ciri baru seperti Permohonan pindahan telegrafik, pendaftaran haji kanak-kanak, muat turun penyata akaun untuk tempoh 12 bulan, notifikasi di aplikasi **THiJARI** dan kemaskini profil peribadi. Ciri-ciri baru ini akan menambahbaik penyampaian perkhidmatan, memberi kemudahan dan melancarkan pengalaman pendeposit di masa hadapan.

**TH** is also planning to further improve **THiJARI** by providing new features such as telegraphic transfer application, hajj registration for children, download account statements for a period of 12 months, notifications in the **THiJARI** application and personal profile updates. With these new features, it can improve service delivery and provide smoother and more seamless depositor experience in the future.

## OBJEKTIF STRATEGIK **03** PENGURUSAN DEPOSIT

### Strategic Objective **03** Deposit Management

#### MEMPERKASA PERKHIDMATAN RAKAN STRATEGIK

Selaras dengan jumlah pendeposit yang semakin meningkat, **TH** terus menyediakan kemudahan dan keselesaan kepada para pendeposit. Inisiatif strategik bersama bank-bank tempatan turut dipertingkatkan bagi membolehkan para pendeposit mendapat akses mudah kepada perkhidmatan **TH**.

**TH** menjalinkan kerjasama dengan Rakan Strategik baharu iaitu Ambank Islamic bermula 20 Disember 2021. Kerjasama dengan Ambank Islamic telah memperkukuhkan lagi kerjasama strategik dengan institusi kewangan sedia ada seperti Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank Islamic dan CIMB Islamic untuk memenuhi keperluan pendeposit.

Peningkatan bilangan pendeposit yang meliputi Gen X dan Gen Y menyaksikan golongan ini memilih perkhidmatan dalam talian sebagai saluran perkhidmatan utama.

Sehingga akhir Disember 2021, **TH** mempunyai 10,043 titik sentuh merangkumi kemudahan mesin juruwang automatik (ATM), mesin deposit tunai (CDM) dan mesin Khidmat *Cash-in Cash-Out* (CICO) di seluruh Malaysia.

Perkhidmatan yang disediakan melalui Rakan Strategik adalah seperti berikut:  
**Services offered through its strategic partners include the following:**

Bil. / No.	Perkhidmatan / Services	Bank Islam	Bank Rakyat	Maybank Islamic	CIMB Islamic	AmBank Islamic
1.	Perkhidmatan melalui ATM Service through ATM	✓	✓	✓	✓	
2.	Perkhidmatan melalui CDM Service through CDM	✓	✓	✓	✓	
3.	Perkhidmatan Uniteller Uniteller Services	✓	✓			
4.	Perkhidmatan melalui Perbankan Internet Internet Banking Services	✓	✓	✓	✓	✓
5.	Perkhidmatan melalui 'Mobile Banking' Services through 'Mobile Banking'	✓	✓			✓

#### EMPOWERING STRATEGIC PARTNER SERVICE

In line with the growing number of depositors, **TH** continues to provide convenience and comfort to depositors. Strategic initiatives with local banks are enhanced to enable depositors to have easy access to services related to **TH**.

**TH** continues to collaborate with its new Strategic Partner, Ambank Islamic, starting 20 December 2021. With Ambank Islamic, it can further strengthen strategic partnerships with existing Financial Institutions such as Bank Islam, Bank Rakyat, Maybank Islamic and CIMB Islamic to meet the needs of depositors.

The increase in the number of depositors, which also includes Gen X and Gen Y, has seen this generation choose online services as their main service channel.

As of December 2021, **TH** has 10,043 touch points covering automatic teller machine (ATM), cash deposit machine (CDM) and Cash-in Cash-Out (CICO) machine facilities throughout Malaysia.

Di samping itu, Bank Islam dan Bank Rakyat telah menyediakan 325 kaunter perkhidmatan uniteller di seluruh negara. In addition, Bank Islam and Bank Rakyat have provided 325 uniteller service counters nationwide.

Perkhidmatan / Services		Rakan Strategik / Strategic Partner	
		BIMB	BKRM
Perkhidmatan yang ditawarkan melalui kaunter <i>uniteller</i> adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembukaan Akaun <b>TH</b></li> <li>• Simpanan Tunai</li> <li>• Simpanan Cek</li> <li>• Pengeluaran Tunai</li> <li>• Pindahan wang antara Akaun <b>TH</b></li> <li>• Pendaftaran haji</li> <li>• Pengaktifan/Pembatalan dan link kad ATM</li> <li>• Cetakan penyata mini akaun <b>TH</b></li> </ul>	The services offered through the uniteller counters are: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>TH</b> Account Opening</li> <li>• Cash Savings</li> <li>• Check Savings</li> <li>• Cash Withdrawals</li> <li>• Money transfer between <b>TH</b> Accounts</li> <li>• Hajj registration</li> <li>• Activation/Cancellation and ATM Card link</li> <li>• Printout of <b>TH</b> mini statement of account</li> </ul>	<p style="text-align: center;"><b>149</b> <i>uniteller / uniteller</i> (2020: 148)</p>	<p style="text-align: center;"><b>176</b> <i>uniteller / uniteller</i> (2020: 174)</p>
<b>Jumlah / Total</b>		<b>325</b>	

**TH** juga menyediakan Ejen Kutipan Simpanan **TH** untuk kemudahan para pendepositnya. Sehingga Disember 2021, sebanyak 10 Ejen Kutipan Simpanan disenaraikan seperti di bawah:

#### Ejen Kutipan Simpanan

- Pos Malaysia Berhad
- Bank Simpanan Nasional
- RHB Islamic Bank Berhad
- Public Bank Berhad
- Ambank (M) Berhad
- Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Hong Leong Islamic Bank Berhad
- Kuwait Finance House (M) Berhad
- Affin Islamic Bank Berhad
- Standard Chartered Saadiq Berhad

**TH** also provides **TH** Savings Collection Agents for the convenience of its depositors. As of December 2021, a total of 10 Savings Collection Agents are listed as below:

#### Savings Collection Agent

- Pos Malaysia Berhad
- Bank Simpanan Nasional
- RHB Islamic Bank Berhad
- Public Bank Berhad
- Ambank (M) Berhad
- Bank Muamalat Malaysia Berhad
- Hong Leong Islamic Bank Berhad
- Kuwait Finance House (M) Berhad
- Affin Islamic Bank Berhad
- Standard Chartered Saadiq Berhad

## OBJEKTIF STRATEGIK **03** PENGURUSAN DEPOSIT

Strategic Objective Deposit Management

Perubahan profil demografi menyaksikan peningkatan bilangan pendeposit yang lebih cenderung kepada perkhidmatan dalam talian. Sebanyak 80 peratus daripada urusan kini dilakukan secara dalam talian dan 20 peratus melalui kaunter cawangan ataupun uniteller di bank Rakan Strategik. Perkembangan ini telah mendorong **TH** untuk terus meningkatkan taraf perkhidmatan dalam talian sedia ada untuk kemudahan pendeposit.


Dengan mempergiatkan hebahan dan promosi perkhidmatan bank Rakan Strategik, perkhidmatan kepada pendeposit **TH** dapat terus diberikan walaupun dalam tempoh PKP.

A change in demographic profile has witnessed an increase in the number of depositors who are more inclined to online services. As much as 80 per cent of transactions are now done online and 20 per cent are through branch counters or unitellers at Strategic Partner banks. These developments have prompted **TH** to continue to improve its existing online services for the convenience of depositors.

By intensifying the publicity and promotion of Strategic Partner banking services, it can directly ensure that services to **TH** depositors can continue to be provided even during the MCO.



Nota: Perkhidmatan dalam talian **TH** meningkat sebanyak 80 peratus, sekaligus menyaksikan penurunan transaksi secara fizikal. / **TH** online services increased by 80 per cent while witnessing a decrease in physical transactions.



## KELANGSUNGAN PERKHIDMATAN

Situasi pandemik yang berlaku pada tahun 2021 adalah antara salah satu situasi yang tidak dijangka dan kerajaan telah melaksanakan beberapa peringkat PKP, serta memperkenalkan beberapa SOP bagi membendung wabak ini. **TH** turut menyahut saranan Kerajaan dan mengambil tindakan untuk melindungi pendeposit yang berurusan melalui kaunter di seluruh negara dan juga para petugas barisan hadapan **TH**.

**TH** secara proaktif terus melaksanakan pelbagai langkah berjaga-jaga untuk memastikan semua pihak diberikan perlindungan terbaik agar pendeposit boleh terus mengakses perkhidmatan **TH** dan anggota barisan hadapan dapat menjalankan tugas untuk memastikan perkhidmatan yang cemerlang terus diberikan.

- **TH** telah mengeluarkan garis panduan dan notis kepada para pendeposit mengenai SOP yang perlu dipatuhi, serta menghadkan bilangan pendeposit di kaunter dengan menggalakkan pendeposit menggunakan perkhidmatan dalam talian.
- Beberapa cawangan **TH** yang terjejas telah ditangguhkan operasi buat sementara waktu, manakala cawangan-cawangan lain terus beroperasi dengan penggiliran tugas anggota demi memastikan kelangsungan operasi.
- Bagi perkhidmatan atau urusan yang tidak boleh dilaksanakan melalui dalam talian, urusan para pendeposit telah diuruskan melalui kaedah janji temu.

Bagi memastikan pendeposit sentiasa mempunyai maklumat berkaitan perkhidmatan dan produk **TH** ketika pandemik, **TH** giat memberi maklumat terkini melalui platform media sosial seperti laman web, *Facebook* dan *Instagram* rasmi **TH**. Maklumat melalui rakaman suara di Pusat Panggilan **TH** juga dilaksanakan bagi menyokong inisiatif yang telah dilaksanakan dalam memastikan pendeposit mendapat maklumat terkini.

Tabung Haji Contact Centre (**THCC**) juga beroperasi bermula jam 8.00 pagi hingga 6.30 petang, pada setiap hari. **THCC** menjadi pusat panggilan setempat dan rujukan utama pendeposit terutama semasa penularan wabak COVID-19 ketika urusan kaunter cawangan di tangguh. **THCC** turut menjadi pusat koordinasi janji temu oleh para pendeposit.

## SUSTAINABILITY OF SERVICE

The pandemic situation in 2021 was something unexpected and the government implemented several stages of MCO, which introduced several SOPs to curb the outbreak of the virus. **TH** also responded to the Government's call and took action to protect the depositors who deal at the counters throughout the country, as well as **TH's** frontliners.

**TH** proactively continues to implement various precautions to ensure that all parties are given the best protection. Depositors can continue to access **TH's** services and frontliners can continue carrying out their duties in ensuring that excellent services continue to be provided.

- **TH** has issued guidelines and notices to depositors on SOPs compliance and limit the number of depositors at the counter by encouraging depositors to use online services.
- Some **TH** branches in affected areas have been temporarily suspended from operations, meanwhile other branches continue to operate with staff rotation to ensure continuity of operations.
- For services or transactions that cannot be performed online, depositors were entertained through appointment method.

To ensure that depositors always get an information related to **TH's** services and products during the pandemic, **TH** updates its latest information through social media platforms such as **TH's** official website, Facebook and Instagram. Information through voice recordings at **TH** Call Center was also implemented to support the initiatives that have been implemented in ensuring the depositors get the latest information.

Tabung Haji Contact Center (**THCC**) operates from 8.00 am to 6.30 pm every day. **THCC** became a local call center and primary reference especially during the COVID-19 outbreak when the counters were not in operation. **THCC** is also the coordination center for appointments for depositors.

## OBJEKTIF STRATEGIK **03** PENGURUSAN DEPOSIT

### Strategic Objective Deposit Management

#### KEMUDAHAN JANJI TEMU

Bermula suku kedua tahun 2021, **TH** terus melaksanakan kemudahan janji temu sebagai usaha untuk pendeposit berurusan secara fizikal di pejabat yang ditangguhkan operasi akibat PKP. Kemudahan ini disediakan untuk pendeposit yang memerlukan perkhidmatan yang tidak disediakan melalui perbankan dalam talian atau bank rakan strategik.

Sebanyak 23,568 urusan janji temu telah berjaya diuruskan. Pecahan jumlah janji temu yang diuruskan mengikut zon adalah seperti berikut:

#### APPOINTMENT SETTING FACILITY

Beginning in the second quarter of 2021, **TH** continues to implement the appointment setting facility as an effort for depositors to perform their transaction physically in **TH** branches which were closed during the MCO. This facility is available to depositors who are in need of services not provided through online banking or strategic partner banks.

A total of 23,568 appointments were successfully managed. The breakdown of appointments completed and managed by zone are as follows:

Bil. / No.	Wilayah / Region	Jumlah Janji Temu / Total Appointments
1.	Utara / Northern	2,310
2.	Tengah / Central	8,741
3.	Selatan / Southern	4,951
4.	Timur / Eastern	3,870
5.	Wilayah Sabah / Sarawak / Sabah / Sarawak	3,696



## MEMACU PENGALAMAN PENDEPOSIT DAN INDEKS KEPUASAN PELANGGAN

Penyampaian perkhidmatan pelanggan yang berkualiti merupakan satu daripada kunci untuk mendapatkan kepercayaan dan keyakinan pendeposit. Sehingga Disember 2021, jumlah pendeposit **TH** yang terkumpul adalah sebanyak 8,407,606 dan bilangan ini adalah separuh daripada populasi Muslim negara ini. Ini menunjukkan kepercayaan dan keyakinan umat Islam di Malaysia terhadap **TH** untuk menguruskan simpanan mereka. Seajar dengan bilangan pendeposit, **TH** terus komited dalam menyediakan perkhidmatan pelanggan yang efisien bagi memenuhi permintaan dan ekspektasi mereka.

Bagi menilai keberkesanan perkhidmatan pelanggan, **TH** menggunakan Indeks Kepuasan Pelanggan (**IKP**) bagi mengukur tahap kepuasan pelanggan dalam perkhidmatan yang diberikan. Analisa perkhidmatan dibahagikan kepada dua (2) iaitu perkhidmatan kaunter dan juga **THCC**. Jumlah keseluruhan Indeks Kepuasan Pelanggan **TH** bagi tahun 2021 adalah melebihi standard 90% yang ditetapkan.

## SASARAN MASA DEPAN KAMI

Kepercayaan dan sokongan pendeposit kepada **TH** kekal utuh walaupun dalam tempoh PKP, dengan jumlah deposit sebanyak RM83.34 bilion pada 31 Disember 2021 iaitu peningkatan sebanyak RM7.42 bilion berbanding RM75.92 bilion pada 31 Disember 2020. Pada tempoh yang sama lebih 207,774 akaun simpanan baharu telah dibuka.

Pengalaman menguruskan pandemik COVID-19 telah memberi kekuatan dan **TH** yakin mampu berhadapan dengan situasi yang sama pada masa akan datang. Bagi memastikan **TH** kekal relevan, **TH** akan terus melakukan transformasi digital ke atas perkhidmatan melalui **THiJARI** dan meningkatkan akses perkhidmatan **TH** melalui kerjasama dengan bank-bank rakan strategik. Matlamat utama **TH** adalah supaya para pendeposit dapat terus menikmati perkhidmatan yang ditawarkan dalam semua keadaan persekitaran global.

## DRIVING THE DEPOSITOR EXPERIENCE AND CUSTOMER SATISFACTION INDEX

The delivery of quality customer service is one of the keys to gaining the trust and confidence of depositors. As of December 2021, the total accumulated depositors was 8,407,606, and this number is half of the Muslim population of the country. This amount shows the trust and confidence of Muslims in Malaysia for **TH** to manage their savings. In line with the number of depositors, **TH** remains committed to providing efficient customer service to meet their demands and expectations.

To evaluate the effectiveness of customer service, **TH** uses the Customer Satisfaction Index (**CSI**) to measure the level of customer satisfaction with the services provided. Service analysis is divided into counter services and also **THCC**. The total **TH** Customer Satisfaction Index for 2021 is above the set standard of 90%.

## OUR FUTURE TARGETS

Depositors' trust and support for **TH** remained intact even during the PKP period, with total deposits of RM83.34 billion as of 31 December 2021, an increase of RM7.42 billion compared to RM75.92 billion as of 31 December 2020. During the same period, more than 207,774 savings accounts new was created.

The experience of managing the COVID-19 pandemic has provided strength, and **TH** is confident of being able to face the same situation in the future. To ensure that **TH** remains relevant, **TH** will continue to undertake digital transformation of services through **THiJARI** and increase access to **TH** services through collaboration with strategic partner banks. **TH's** main goal is for depositors to enjoy all the services offered in all global environmental conditions.

### SKOP ANALISA / Scope Analysis



#### Perkhidmatan Kaunter Counter Services

**96.90%** Jumlah responden  
Total respondents: 1,757,663  
(2020: 98.89% - 1,457,128)



#### THCC / THCC

**99.84%** Jumlah responden  
Total respondents: 20,166  
(2020: 99.65% - 16,806)

### Jumlah Deposit / Total Deposits

2021

RM **83.34** bilion / billion

2020

RM **75.92** bilion / billion



## OBJEKTIF STRATEGIK **04** MODAL INSAN

### Strategic Objective Human Capital

Sepanjang operasinya, **TH** sentiasa mengenalpasti Modal Insan sebagai aspek penting yang mustahak untuk daya tahan jangka panjang, kejayaan dan aspirasi syarikat maju ke hadapan.

Justeru, sejajar dengan objektif Pelan Transformasi Strategik 2022-2024 **TH** atau HIJRAH24, kami melaksanakan dan mengekalkan set minda teguh berteraskan matlamat, berdasarkan langkah-langkah berhemah yang digariskan pada setiap tahun bagi memastikan kejayaan organisasi.

#### Pelan Transformasi Strategik **TH** 2022-2024

Menuju ke arah Pelan Transformasi Strategik **TH** 2022-2024, **TH** telah mengenalpasti dan menekankan dua (2) faktor utama untuk tahun ini dan seterusnya: Menyemai budaya berprestasi tinggi serta pengurusan bakat yang cemerlang. Kesemua ini dicapai menerusi beberapa objektif yang telah dikenalpasti, iaitu kejelasan dalam penetapan sasaran, promosi perbuahan prestasi, pelaksanaan Pengoptimuman Tenaga Kerja & Semakan Ganjaran Keseluruhan (WFOTRR), penubuhan Rangka Kerja Pengurusan Penggantian, pelaksanaan Program Penjenamaan Bakat dan Pengalaman Kakitangan Terbaik, serta penubuhan rangka kerja AI-Falah.

Dengan matlamat-matlamat ini, **TH** berjaya mewujudkan persekitaran berpacuan kejayaan yang mendorong pertumbuhan organisasi serta tenaga kerjanya menerusi peristiwa-peristiwa dan pencapaian-pencapaian pada TK2021, memperkasakan semua untuk menyampaikan nilai melangkaui jangkaan serta mewujudkan asas tempat kerja yang kondusif untuk tahun-tahun mendatang.

#### Mewujudkan Budaya Berprestasi Tinggi

Seperti yang dinyatakan dalam matlamat prestasi HIJRAH24 **TH**, **TH** telah menyusun dan melancarkan beberapa langkah sepanjang tahun, termasuk mempertingkatkan penunjuk prestasi seperti kitaran pengurusan prestasi tahunan, selain membaik pulih Penunjuk Prestasi Utama pengurusan dan rangka kerja pengurusan akibat.

Selain itu, **TH** juga telah mencapai Tahap 3 Kematangan Pengukuran Prestasi, yang menunjukkan peningkatan besar dalam prestasi menerusi keputusan yang konsisten dan terbukti secara kolektif. **TH** kini menumpukan perhatian ke atas Tahap 4, dengan rangka kerja kami menyasarkan pencapaian tanda aras ini dalam dua hingga tiga tahun lagi.

Throughout its operations, **TH** has always identified Human Capital as an area of utmost importance, vital to the company's long-term resilience, success and aspirations moving forward.

Thus, in line with the objectives of our upcoming **TH** Strategic Transformation Plan 2022-2024 or HIJRAH24, we implemented and maintained a goal-oriented, determined mindset, following prudent steps and measures outlined each year to ensure organisational success.

#### **TH** Strategic Transformation Plan 2022-2024

Heading towards **TH** Strategic Transformation Plan 2022-2024, **TH** has identified and focused on two (2) main factors for this year and beyond: Cultivating a high-performing culture and stellar talent management. These are achieved through several identified objectives, with those being the need for clarity in their target setting, the promotion of performance conversation, performing a Workforce Optimization & Total Rewards Review (WFOTRR), setting up a Succession Management Framework, initiating a Talent Branding and Best-In-Class Employee Experience Program, and setting up an AI-Falah framework.

With these goals in mind, **TH** has managed to enable a success-driven environment that promotes growth for both the organisation and its people through events and achievements in FY2021, empowering all to deliver value beyond expectations and setting up a conducive workplace foundation for the years ahead.

#### Establishing a High-Performance Culture

As stated in HIJRAH24 for **TH**'s performance goals, **TH** has curated and launched several measures throughout the year, including enhancing performance indicators such as the yearly performance management cycle, as well as overhauling the management's Key Performance Indicators and consequence management frameworks.

Additionally, **TH** has also achieved Level 3 for Performance Measurement Maturity, which indicates a major uptick in performance through consistent, proven results as a collective. **TH** currently has its sights set on Level 4, with our framework positioning this benchmark to be achieved within the next two to three years.

## Menyediakan Pengurusan Bakat Terbaik

**TH** beriltizam memupuk dan menyemai bakat-bakat di dalam kumpulan tenaga kerja kami, dengan tumpuan utama meningkatkan pengurusan bakat bagi mengekalkan bakat-bakat terbaik kami dan terus menjadi pilihan kompetitif di pasaran untuk semua bakat-bakat profesional.

Bagi mencapai matlamat ini, **TH** secara kolektif telah merangka dan mewujudkan satu strategi keupayaan selain menyemak Model Kecekapannya, dengan rombakan lanjut ke atas rangka kerja, dasar-dasar dan proses-proses pengurusan bakat sedia ada bagi mengenalpasti dan memupuk calon-calon berpotensi tinggi.

Sejajar dengan pelan ini, **TH** telah menambahbaik inisiatif-inisiatif pembangunan bakatnya sepanjang tahun ini dengan menawarkan pelbagai medium pembangunan, mempercepatkan potensi menerusi pelbagai inisiatif seperti bimbingan dalaman dan luaran, tunjuk ajar, dan program antarabangsa/giliran. Ini termasuk program Kepimpinan Al-Falah yang bermatlamat memupuk kemahiran komunikasi dan kepimpinan kakitangan terpilih sejajar dengan amalan-amalan terbaik dan prinsip-prinsip Islam.

Bagi memenuhi permintaan digitalisasi moden dan menaiktaraf kecekapan digital, **TH** telah mempelbagaikan strategi pengambilan pekerjaannya untuk bakat-bakat profesional berpacuan digital, memperkasakan kehadiran media sosialnya, serta meneroka alternatif lain untuk pengambilan pekerja yang mantap. **TH** juga telah melancarkan 10 program khusus untuk melengkapkan tenaga kerja sedia ada dengan kemahiran digital yang penting berkaitan produk-produk Microsoft seperti Office, Teams, Outlook dan SharePoint.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah ini, usaha keseluruhan **TH** dijangka memberi hasil positif pada 2022, dengan kadar Indeks Penglibatan Kakitangan mencapai sekitar 85 peratus, di mana 30 peratus tenaga kerja bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi terkini.

## Providing Best-In-Class Talent Management

**TH** strongly believes in fostering and nurturing the talents within our people, with our main priority set on upscaling talent management to retain our top talents and remain a competitive option in the market for all prospective professionals.

In order to achieve this, **TH** has collectively devised and established a capability strategy and further revamps to the existing talent management framework, policies and processes to identify and nurture high potential candidates.

In line with the plan, **TH** has improved its talent development initiatives throughout the year by offering diverse development mediums, accelerating potentials through various initiatives such as internal and external coaching, mentoring, and international/rotational programmes. This also includes an Al-Falah Leadership program, which aims to nurture the communication and leadership skills of selected employees aligned with Islamic best practices and principles.

To meet modern digitalisation demands and upgrade digital competencies, **TH** has engaged in diversifying its recruitment strategy for digitally driven professionals, enforcing its social media presence and exploring other avenues for robust recruitment. **TH** has also launched 10 programmes dedicated in equipping our existing workforce with essential work-related digital skills regarding Microsoft products such as Office, Teams, Outlook and SharePoint.

With the execution of these measures, **TH's** overall efforts are projected to yield positive results by 2022, with Employee Engagement Index rates around 85 per cent, with 30 per cent of the workforce poised to adapt to the latest technological developments.

## OBJEKTIF STRATEGIK 04 MODAL INSAN

Strategic Objective Human Capital

	BUDAYA BERPRESTASI TINGGI High-Performance Culture	PENGURUSAN BAKAT TERBAIK Best-In-Class Talent Management
<b>Inisiatif-Inisiatif Strategik</b> <b>Strategic Initiatives</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejelasan dalam Penetapan Sasaran</li> <li>Disiplin Perbualan Prestasi</li> <li>Clarity in Target-Setting</li> <li>Performance Conversation Discipline</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Rangka Kerja Kepimpinan dan AI-Falah</li> <li>Pengoptimuman Tenaga Kerja &amp; Semakan Ganjaran Keseluruhan (WFOTRR)</li> <li>Rangka Kerja Pengurusan Penggantian Jawatan</li> <li>Penjenamaan Bakat dan Program Pengalaman Kakitangan Terbaik</li> <li>Leadership and AI-Falah Framework</li> <li>Workforce Optimisation &amp; Total Rewards Review (WFOTRR)</li> <li>Succession Management Framework</li> <li>Talent Branding and Best-In-Class Employee Experience Programme</li> </ul>
<b>2021/2022</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Proses dan garis panduan dipertingkatkan untuk kitaran pengurusan prestasi tahunan</li> <li>Penunjuk Prestasi Utama yang diperhalusi untuk Pengurusan dan ke atas</li> <li>Mencapai Tahap 3 untuk Kematangan Pengukuran Prestasi</li> <li>Strategi dan rangka kerja pengurusan akibat</li> <li>Enhanced process and guidelines for the yearly performance management cycle</li> <li>Refined Key Performance Indicators for Management and above</li> <li>Achieve Level 3 of Performance Measurement Maturity</li> <li>Consequence management strategy and framework</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan strategi dan rangka kerja keupayaan</li> <li>Perantara pecutan pembangunan yang pelbagai - bimbingan, tunjuk ajar, tugas antarabangsa, program bergilir</li> <li>Mencapai 30% kadar gunapakai teknologi pembelajaran.</li> <li>Menyemak Model Kecekapan <b>TH</b></li> <li>Rangka kerja pengurusan bakat, dasar dan proses untuk calon-calon berpotensi tinggi yang dikenalpasti menerusi penilaian pelbagai untuk jawatan MCP &amp; OCP</li> <li>Pelan pelaksanaan progresif (2022 hingga 2024) berdasarkan penemuan WFOTRR dan halatuju pengurusan (mencapai 90% tenaga kerja optimum)</li> <li>Pengiktirafan pasaran untuk amalan terbaik berkaitan agenda insan</li> <li>Indeks Penglibatan Kakitangan &gt; 85%</li> <li>Pemasaran Mantap untuk Pengambilan Kakitangan</li> <li>Kehadiran Media Sosial yang Meluas</li> <li>Establish capability strategy and framework</li> <li>Diverse development acceleration medium - coaching, mentoring, international assignments, rotational programmes</li> <li>Achieve 30% of learning technology adoption rate.</li> <li>Revise <b>TH</b> Competency Model</li> <li>Talent management framework, policy and process for high potential candidates identified through mixed assessments for MCP &amp; OCP roles</li> <li>Progressive implementation plan (2022 to 2024) based on WFOTRR finding and management's direction (achieve 90% of optimal workforce)</li> <li>Market recognition for best practices on people agenda</li> <li>Employee Engagement Index &gt; 85%</li> <li>Robust Recruitment Marketing</li> <li>Extensive Social Media Presence</li> </ul>

	BUDAYA BERPRESTASI TINGGI High-Performance Culture	PENGURUSAN BAKAT TERBAIK Best-In-Class Talent Management
2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 50% kakitangan yang terlibat dalam perbualan prestasi</li> <li>• 360 rangka kerja dan mekanisme maklumbalas prestasi</li> <li>• 50% of employees involved in performance conversation</li> <li>• 360 performance feedback framework and mechanism</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 50% penyertaan kakitangan dalam program-program bimbingan/tunjuk ajar/giliran</li> <li>• Mencapai 50% kadar gunapakai teknologi pembelajaran</li> <li>• Menerapkan Model Kecekapan <b>TH</b> yang baharu dalam semua proses utama HC</li> <li>• 10% daripada jumlah tenaga kerja yang tersenarai dalam kumpulan bakat</li> <li>• Mencapai 60% daripada nisbah 1:3 untuk jawatan MCP &amp; OCP</li> <li>• Pelan pelaksanaan progresif (2022 hingga 2024) berdasarkan penemuan WFOTRR dan halatuju Pengurusan (dasar-dasar bonus dan ganjaran).</li> <li>• Pengiktirafan pasaran untuk amalan-amalan terbaik berkaitan agenda insan</li> <li>• Indeks Penglibatan Kakitangan &gt; 85%</li> <li>• Pemasaran Mantap untuk Pengambilan Kakitangan</li> <li>• Kehadiran Media Sosial yang Meluas</li> <li>• Hubungan universiti yang Kukuh</li> <li>• 50% of staff participation in coaching/mentoring/rotational programmes</li> <li>• Achieve 50% of learning technology adoption rate</li> <li>• Embed new <b>TH</b> Competency Model in all key HC processes</li> <li>• 10% of the total workforce listed in the talent pool</li> <li>• Achieve 60% of 1:3 ratio for MCP &amp; OCP roles</li> <li>• Progressive implementation plan (2022 to 2024) based on WFOTRR finding and Management's direction (bonus and reward policies).</li> <li>• Market recognition for best-practices on people agenda</li> <li>• Employee Engagement Index &gt; 85%</li> <li>• Robust Recruitment Marketing</li> <li>• Extensive Social Media Presence</li> <li>• Strong university relations</li> </ul>

**OBJEKTIF STRATEGIK**  
Strategic Objective


04

**MODAL INSAN**  
Human Capital

	<b>BUDAYA BERPRESTASI TINGGI</b> High-Performance Culture	<b>PENGURUSAN BAKAT TERBAIK</b> Best-In-Class Talent Management
<b>2024</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencapai Tahap 4 Kematangan Pengurusan Prestasi</li> <li>• 70% daripada kakitangan yang terlibat dalam perbualan prestasi</li> <li>• Achieve Level 4 of Performance Measurement Maturity</li> <li>• 70% of employees involved in performance conversation</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 60% daripada penyertaan kakitangan dalam program-program bimbingan/tunjuk ajar/bergilir</li> <li>• Mencapai lebih 50% kadar gunapakai teknologi pembelajaran</li> <li>• Mencapai 20% daripada jumlah tenaga kerja dalam kumpulan pengganti (tanpa mengira samada R0, R1 atau R3)</li> <li>• Pelan pelaksanaan progresif (2022 hingga 2024) berdasarkan penemuan WFOTRR dan halatuju Pengurusan (mencapai 90% daripada tenaga kerja optimum).</li> <li>• Pengiktirafan pasaran untuk amalan-amalan terbaik mengenai agenda insan</li> <li>• Indeks Penglibatan Kakitangan &gt; 85%</li> <li>• Pemasaran Mantap untuk Pengambilan Kakitangan</li> <li>• Kehadiran Media Sosial yang Meluas</li> <li>• Program-program Tarikan Bakat yang terbaik di kalangan GLIC</li> <li>• 60% of staff participation in coaching/mentoring/rotational programmes</li> <li>• Achieve above 50% of learning technology adoption rate</li> <li>• Achieve 20% of the total workforce being in the successor pool (regardless of R0, R1 or R3)</li> <li>• Progressive implementation plan (2022 to 2024) based on WFOTRR finding and Management's direction (achieve 90% of optimal workforce).</li> <li>• Market recognition for best-practices on people agenda</li> <li>• Employee Engagement Index &gt; 85%</li> <li>• Robust Recruitment Marketing</li> <li>• Extensive Social Media Presence</li> <li>• The best Talent Attraction Programmes amongst GLICs</li> </ul>

## OBJEKTIF STRATEGIK Strategic Objective

## 05 TADBIR URUS Governance



**STRUKTUR TADBIR URUS / Governance Structure**

Struktur tadbir urus **TH** menjadi panduan kepada Lembaga **TH** untuk melaksanakan tanggungjawabnya berpandukan Akta **TH** 1995. Selaras dengan tanggungjawab sebagai badan berkanun dan sebagai sebahagian daripada fungsi-fungsinya, Lembaga merumus dan menentukan pentadbiran dan pengurusan polisi dan prosedur dalam memastikan **TH** mencapai objektif organisasi dengan cemerlang.

Struktur tadbir urus **TH** membantu Lembaga untuk mengenal pasti pengagihan hak dan tanggungjawab di kalangan pelbagai pihak berkepentingan. Selain daripada memelihara kepentingan pendeposit, Lembaga **TH** juga mengimbangkan keperluan pihak berkepentingan lain termasuk warga kerja, pelanggan, pembekal dan masyarakat.

Lembaga **TH** melaksanakan beberapa tugas khusus seperti mengawal selia perjalanan operasi, mengenal pasti risiko-risiko utama serta memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk mengurus risiko berkaitan dan juga mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman seperti yang diperincikan dalam Akta **TH** 1995 dan Piagam Lembaga **TH**.

**TH** governance structure serves as a framework for the **TH** Lembaga to exercise its duties in accordance with **TH** Act 1995. In line with its role as a statutory body and as part of its functions, the Lembaga of **TH** formulates and defines the administration of the policies and procedures to ensure **TH** excels in achieving its organizational objectives.

**TH** governance structure assists the Lembaga to determine the deliverable of rights and responsibilities among various stakeholders. Apart from safeguarding depositors' interests, **TH** Lembaga also contemplates the needs of other stakeholders including employees, customers, suppliers and the community.

The **TH** Lembaga performs a number of specific tasks such as regulating the course of operations, identifying key risks and ensuring the implementation of appropriate systems to manage related risks and also reviewing the adequacy and integrity of the internal control system as detailed in the **TH** Act 1995 and the **TH** Board Charter.

## OBJEKTIF STRATEGIK **06** SYARIKAT KUMPULAN

### Strategic Objective Group of Companies

#### PELABURAN STRATEGIK MENERUSI SYARIKAT KUMPULAN TH

Pelaburan strategik **TH**, menerusi kumpulan syarikat-syarikatnya, menjadi bukti kesungguhan **TH** dalam membangunkan perniagaan-perniagaan dalam sektor-sektor patuh Syariah. Pelaburan dan penglibatan **TH** dalam kumpulan syarikat-syarikat merangkumi beberapa sektor iaitu kewangan Islam, perladangan, pembangunan dan pembinaan hartanah, hospitaliti, teknologi maklumat dan sokongan marin.

#### PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM

##### BANK ISLAM

Sumbangan **TH** terhadap pembangunan sektor kewangan Islam negara dipacu oleh syarikat bersekutunya, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam). Ditubuhkan pada 1 Julai 1983, Bank Islam merupakan institusi perbankan Islam pertama di rantau ini dan Malaysia yang bertujuan untuk memenuhi keperluan perkhidmatan dan produk perbankan patuh Syariah di pasaran, khususnya oleh pelanggan beragama Islam. Sejak itu, Bank Islam terus berkembang pesat dan pada 8 Oktober 2021, ia telah menempa kejayaan baharu apabila menjadi institusi perbankan Islam lengkap dan tulen yang pertama disenaraikan pada Pasaran Utama, Bursa Malaysia. Pencapaian penting itu dikecapi setelah institusi berkenaan berjaya menyempurnakan langkah penstrukturan semula korporat.

Dengan modal pasaran bernilai RM6.3 bilion, penyenaian Bank Islam menyediakan ruang bagi pelabur-pelabur patuh Syariah untuk menyertai secara langsung dalam pertumbuhan ekuiti dan masa depan Kumpulan Bank Islam baharu yang turut terdiri daripada BIBM Investment Management Berhad (BIBM Investment) dan BIBM Securities Sdn Bhd (BIBM Securities).

Bermula tahun lalu, Bank Islam telah melaksanakan pelan hala tuju strategik perniagaan selama lima (5) tahun (dikenali sebagai LEAP25) untuk membuka potensi Bank menerusi penyampaian teknologi, memberi takrifan semula pertumbuhan dan bekerja dalam cara baharu bagi menangani cabaran-cabaran yang disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Bank Islam akan terus berusaha memperkukuhkan barisan perniagaannya ke arah mencapai matlamat LEAP25 menerusi lima (5) pemacu perniagaan: Kewangan Sosial, Pengurusan Kekayaan, Perusahaan dan Perbankan Borong serta Bank Digital.

#### STRATEGIC INVESTMENTS THROUGH GROUP OF COMPANIES

**TH** Strategic investments, through its group of companies, is testament to **TH**'s determination to develop businesses in identified Shariah-compliant sectors. **TH**'s investment and involvement in the group of companies cover several sectors, namely Islamic finance, plantations, property development and construction, hospitality, information technology and marine support.

#### ISLAMIC FINANCIAL SERVICES

##### BANK ISLAM

**TH**'s contribution towards the development of Malaysia's Islamic Financial Sector is driven by its associate company, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam). Established on 1 July 1983, Bank Islam is the first Islamic banking institution in the region and in Malaysia to serve the needs for Shariah-compliant banking products and services, particularly for Muslim customers. After decades of progress, in 2021, Bank Islam achieved another historical milestone to be the first full-fledged pure-play Islamic banking institution listed on the Main Market, Bursa Malaysia on 8 October 2021, upon successful corporate restructuring.

With a market capitalisation of RM6.3 billion, the listing of Bank Islam provides avenues for Shariah-compliant investors to participate directly in the equity and future growth of the new Bank Islam Group, which includes BIBM Investment Management Berhad (BIBM Investment) and BIBM Securities Sdn Bhd (BIBM Securities).

Starting last year, Bank Islam has embarked on a five-year business strategy roadmap (referred to as LEAP25) to unlock the potential of the Bank by delivering the promise of technology, redefining growth, and working in new ways to address the unprecedented challenges brought upon by the COVID-19 pandemic.

The Bank will continuously pursue traction in its line of businesses towards achieving LEAP25 through five (5) business drivers: Social Finance, Wealth Management, Enterprises and Wholesale Banking, and Digital Bank.



Komited dalam memenuhi visi untuk Mendahulukan Kemakmuran untuk Semua, cabang kewangan sosial Bank Islam, Divisyen Rangkaian Kewangan, berhasrat untuk terus memacu perkembangan peranan dan manfaat instrumen kewangan sosial Islam. Kumpulan Bank Islam akan memanfaatkan instrumen-instrumen ini, seperti dana sedekah, zakat dan wakaf, untuk membantu dan menyediakan sokongan perkhidmatan perbankan kepada golongan kurang bernasib baik yang tidak mendapat perkhidmatan kewangan yang diperlukan. Pendigitalan adalah teras infrastruktur yang membolehkan misi-misi ini tercapai.

Di samping itu, Bank Islam juga komited dalam merealisasikan inisiatif Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) yang diperkenalkan Bank Negara Malaysia (BNM) dengan mencipta nilai kepada kesemua pemegang taruhnya menerusi penyediaan penyelesaian yang inklusif dan memberi tumpuan terhadap perniagaan, insan dan alam sekitar.

Pada masa ini, Bank Islam mempunyai 141 cawangan dan lebih 900 Terminal Layan Diri yang menyediakan khidmat kepada lebih 4.4 juta pelanggan di seluruh dunia. Seiring dengan landskap perbankan dan sistem e-pembayaran yang pesat berkembang, selain pertumbuhan mengukuh syarikat-syarikat *fintech*, Bank Islam telah melihat perubahan pilihan pengguna dengan 90% transaksi disempurnakan menerusi saluran elektronik. Malah, bilangan pengguna perkhidmatan Perbankan Internet Bank Islam meningkat sebanyak 22% kepada 1.5 juta pada tahun 2021.



Committed to fulfill its vision to Advance Prosperity for All, Bank Islam's social finance arm, its Financial Inclusion Division, aims to further grow the roles and benefits of Islamic social finance instruments. The Group intends to use Islamic Finance Instruments such as sadaqah, zakat and waqf to help vulnerable, underserved, or unserved groups obtain much-needed banking services and assistance. Digitalisation is the core infrastructure enabler in achieving these set missions.

Alongside this, Bank Islam is committed to realising the Value-Based Intermediary (VBI) initiative introduced by Bank Negara Malaysia (BNM) by creating value for all its stakeholders by providing inclusive solutions and focusing on prosperity of business, people and the planet.

Currently, Bank Islam has 141 branches and over 900 Self-Service Terminals serving over 4.4 million customers throughout the country. In line with the evolving banking landscape, e-payment systems and the rise of fintech companies, Bank Islam has seen a shift in consumer preference with 90% of transactions conducted through electronic channels, and internet banking users rising by 22%, to 1.5 million in 2021.

## OBJEKTIF STRATEGIK **06** SYARIKAT KUMPULAN

### Strategic Objective Group of Companies

BIMB Securities, firma pembrokeran saham patuh Syariah pertama di Malaysia, akan terus menempa namanya di pasaran menerusi penawaran perkhidmatan pembrokeran saham bersifat peribadi pada harga kompetitif untuk pelanggan institusi dan runcit. Ia turut menyediakan perkhidmatan rundingan Syariah kepada pengurus dana, firma-firma penyelidikan pelaburan serta liputan dan pembiayaan margin saham yang menerima permintaan ramai pelabur-pelabur sofistikated.

Sementara itu, BIMB Investment komited dalam menerajui pelaburan berasaskan Syariah dan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam menyampaikan prestasi pelaburan yang mampan dan konsisten kepada para pelabur. Ia dicapai bersandarkan pengalaman dan pencapaian selama 28 tahun dalam bidang pengurusan dana Islam serta usaha sama strategik dengan firma berpangkalan di United Kingdom, Arabesque Asset Management.

### SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD

Hasil operasi Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (STMKB atau Takaful Malaysia) bagi tahun dalam tinjauan dicatatkan pada RM3.18 bilion, lebih tinggi sebanyak 8 peratus berbanding RM2.96 bilion pada 2020. Dengan jumlah aset RM12.7 bilion setakat 31 Disember 2021, keuntungan sebelum zakat dan cukai Takaful Malaysia meningkat 3 peratus kepada RM438.7 juta daripada RM426.8 juta pada 2020, manakala keuntungan selepas zakat dan cukai ialah RM412.2 juta, lebih tinggi sebanyak 13 peratus berbanding RM363.6 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Di tengah-tengah pandemik COVID-19, pendapatan Takaful Malaysia yang lebih tinggi dan pendapatan yuran wakalah bersih pada tahun kewangan adalah disebabkan terutamanya dari peningkatan jualan melalui perniagaan takaful keluarga dan am.

Penyelesaian penstrukturan semula korporat oleh BIMB Holdings Berhad (BHB) telah meletakkan Takaful Malaysia menjadi pengendali takaful sendiri dengan pemegang saham institusi yang pelbagai dan kukuh. Pemegang saham semasa Takaful Malaysia ialah Lembaga Tabung Haji, Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan pegangan saham masing-masing sebanyak 28.26 peratus, 12.89 peratus dan 6.69 peratus, pada 11 Oktober 2021.

Takaful Malaysia kekal sebagai dua pengendali takaful terkemuka dalam perniagaan takaful keluarga dan memperoleh bahagian pasaran sebanyak 20 peratus. Cabang takaful am Takaful Malaysia menguasai 24 peratus bahagian pasaran dalam perniagaan takaful am untuk kekal sebagai pengendali takaful am kedua terbesar di negara ini.

As for BIMB Securities, the first full-fledged Shariah-compliant stockbroking firm in the country, it continues to distinguish itself in the market through the offering of personalised stockbroking services at competitive rates to both institutional and retail clients, independent Shariah advisory services to fund managers, investment research and coverage as well as share margin financing, which are getting strong traction from sophisticated clients.

Meanwhile, BIMB Investment is committed to champion Shariah and Environmental, Social and Governance (ESG) investing to deliver a sustainable and consistent investment performance to investors, building upon more than 28 years of Islamic Fund Management experience and credentials, as well as through its unique strategic partnership with UK-based Arabesque Asset Management.

### SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad's (STMKB or Takaful Malaysia) operating revenue for the year under review was recorded at RM3.18 billion, higher by 8 per cent as compared to RM2.96 billion in 2020. With total assets of RM12.7 billion as of 31 December 2021, Takaful Malaysia's profit before zakat and taxation increased by 3 per cent to RM438.7 million from RM426.8 million in 2020, whilst profit after zakat and taxation was RM412.2 million, higher by 13 per cent as compared to RM363.6 million in the previous financial year correspondingly. Amid the COVID-19 pandemic, Takaful Malaysia's higher revenue and net wakalah fee income during the financial year were mainly attributable to improved sales by the family and general takaful businesses.

The completion of the corporate restructuring exercise by BIMB Holdings Berhad (BHB) has resulted in Takaful Malaysia becoming a standalone takaful operator with diversified and strong institutional shareholders. Takaful Malaysia's current shareholders are Lembaga Tabung Haji, Employees Provident Fund Board, and Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) with shareholdings of 28.26 per cent, 12.89 per cent and 6.69 per cent, respectively, as of 11 October 2021.

Takaful Malaysia held its position in the top two rankings as a leading takaful operator in the family takaful business, and secured a market share of 20 per cent. The general takaful arm of Takaful Malaysia captured a 24 per cent market share in the general takaful business to remain the second-largest general takaful operator in the country.



Takaful Malaysia melabur RM12 juta dalam infrastruktur IT untuk mengintegrasikan maklumat dan teknologi operasi dalam mengoptimumkan prestasi, memacu kecekapan, meningkatkan keselamatan IT, dan meningkatkan keupayaan digital kami untuk mengekalkan hubungan rapat dengan pelanggan dan rakan kongsi perniagaan dengan menawarkan perkhidmatan yang lebih pantas dan lebih komprehensif. Ia mencapai pertumbuhan dua angka sebanyak 21 peratus dalam perniagaan takaful dalam talian, sebahagian besarnya disebabkan oleh keupayaan digitalnya untuk melibatkan pelanggan dan memanfaatkan kemudahan besar transaksi dalam talian semasa tempoh pandemik COVID-19.

Takaful Malaysia melalui badan amal Takaful myJalinan telah menjalankan pelbagai aktiviti dan program berasaskan komuniti. Pada 2021, Takaful Malaysia menderma sejumlah RM1.45 juta melalui sumbangan zakat dan dana ihsannya dalam bentuk sumbangan kewangan dan barangan kepada pelbagai penerima, termasuk individu, pusat pendidikan, pertubuhan kebajikan dan komuniti.

Takaful Malaysia invested RM12 million in IT infrastructure to integrate information and operational technologies in optimising performance, driving efficiency, enhancing IT security, and enhancing our digital capabilities to maintain a close connection with customers and business partners by offering faster and more comprehensive services. It achieved double-digit growth of 21 per cent in the online takaful business, largely due to its digital capabilities to engage customers and take advantage of the great convenience of online transactions during the COVID-19 pandemic period.

Takaful Malaysia through its charity arm of Takaful myJalinan has carried out various community-based activities and programmes. In 2021, Takaful Malaysia donated a total of RM1.45 million through its zakat contribution and charity fund in the form of monetary and in-kind contributions to various recipients, including individuals, education centers, charitable organisations, and communities.

## OBJEKTIF STRATEGIK 06 SYARIKAT KUMPULAN

Strategic Objective Group of Companies



### PERLADANGAN

**TH** telah terlibat secara aktif merealisasikan pelaburan strategiknya di dalam sektor perladangan sejak tahun 1972 menerusi TH Plantations Berhad (THP) dan syarikat-syarikat subsidiari. Secara kolektif, kesemua unit-unit ini dikenali sebagai TH Plantation Group (Kumpulan THP).

Kumpulan THP telah menunjukkan kemampuannya dalam pengurusan dan pembangunan ladang kelapa sawit, serta pemrosesan dan penjualan minyak dan isirong sawit di Malaysia dan Indonesia. Selain itu, ia juga terlibat dalam kegiatan penanaman getah dan operasi hiliran kelapa sawit. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (FY2021), Kumpulan THP memiliki bank tanah seluas 98,220 hektar di Malaysia dan Indonesia.

Kumpulan THP mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM137.87 juta berbanding keuntungan sebelum cukai RM54.46 juta pada FY2020. Sungguhpun lonjakan pendapatan menyumbang kepada peningkatan keuntungan, prestasi kewangan yang lebih baik itu juga adalah hasil daripada pengurangan kos jualan serta tiada kerugian penurunan nilai yang diperuntukkan pada tahun dikaji. Purata harga minyak sawit mentah (CPO) yang lebih tinggi pada tahun dikaji merupakan penyumbang utama kepada peningkatan pendapatan Kumpulan pada FY2021. Pendapatan untuk tahun Kewangan berkenaan meningkat 37 peratus kepada RM760.80 juta daripada RM555.10 juta pada FY2020. Faktor utama yang menyebabkan pendapatan lebih tinggi adalah kenaikan harga realisasi bagi produk-produk sawit sepanjang tahun tersebut. Purata harga realisasi harga CPO pada tahun 2021 ialah RM3,762 setiap tan berbanding RM2,538 setiap tan pada tahun sebelumnya.

### PLANTATION

**TH** has been actively involved in realising its strategic investments in the plantation sector since 1972 through TH Plantations Berhad (THP) and other subsidiaries – all of which are collectively known as TH Plantation Group (THP Group).

THP Group has demonstrated its capability in the development and management of oil palm plantation, processing and the sales of palm oil and palm kernel in Malaysia and Indonesia. In addition, it is also involved in rubber plantation and oil palm downstream activities. As at 31 December 2021 (FY2021), THP Group has a total landbank of 98,220 hectares in Malaysia and Indonesia.

THP recorded a profit before tax of RM137.87 million for FY2021 in comparison to RM54.46 million in FY2020. While the increase in revenue contributed to improved profitability, the improved performance was also brought about by reductions in the cost of sales and no significant impairment losses provisioned for in the year under review. Higher average crude palm oil (CPO) prices during the year under review were the main contributor to the Group's increased revenue in FY2021. Revenue for the year increased by 37 per cent to RM760.80 million from RM555.10 million in FY2020. A key factor that led to the higher revenue was an increase in average realised prices for palm products throughout the year. The average realised price of CPO in 2021 was RM3,762 per tonne compared to RM2,538 per tonne in 2020.



## HOSPITALITI

TH Hotel & Residence Sdn Bhd (THHR), sebuah anak syarikat milik penuh **TH**, terus bersedia untuk memimpin Kumpulan dan unggul dalam perniagaan berorientasikan pelanggan yang kompetitif ini melalui dua hotelnya iaitu Mövenpick Hotel & Convention Centre KLIA (MHCC) dan TH Hotel Kelana Jaya (THKJ).

MHCC yang diuruskan oleh THV Management Services Sdn Bhd (THVM), sebuah anak syarikat milikan penuh THHR, mempunyai seni bina bangunan yang cukup ikonik yang menawarkan perkhidmatan hotel bertaraf 5 bintang setanding dengan jenama antarabangsa yang lain. MHCC telah dijadikan pusat operasi haji sejak tahun 2018 serta diberi Pengiktirafan Penginapan Mesra Muslim (MFAR), sebuah inisiatif yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan (MOTAC). MHCC juga telah merangkul anugerah '2020 Agoda Customer Review Awards' dari platform tempahan perjalanan dalam talian, Agoda.com.

Sementara itu, THKJ yang dahulunya merupakan pusat utama operasi haji, masih beroperasi dan menjadi pilihan utama bagi agensi-agensi Kerajaan berikutan kadarnya yang lebih mampu milik. Dengan premis yang telah diubahsuai, THKJ mahu kekal relevan dan mensasarkan menjadi pilihan utama bagi sebarang majlis (mesra Syariah) dalam tempoh tiga tahun akan datang.

THHR terus mendepani cabaran yang akan datang dan optimistik dalam memberikan pulangan kepada **TH**, dan seterusnya kepada pendeposit, selaras dengan fasa Endemik, di mana kebanyakan SOPs yang lebih longgar dan pembukaan sempadan antarabangsa.

## HOSPITALITY

TH Hotel & Residence Sdn Bhd (THHR), a wholly owned subsidiary of **TH**, continues to gear up to lead the Group and excel in this competitive customer-oriented business with its two main hotels i.e. Mövenpick Hotel & Convention Centre KLIA (MHCC) and TH Hotel Kelana Jaya (THKJ).

The iconic MHCC which is managed by THV Management Services Sdn Bhd, a wholly owned subsidiary of THHR, offers 5-star hotel services at par with other international brands. MHCC, which has become the hub of hajj operations since 2018, is a Muslim-Friendly Accommodation Recognition (MFAR) hotel, an initiative introduced by Ministry of Tourism, Arts and Culture (MOTAC). MHCC had also bagged the 2020 Agoda Customer Review Awards from online travel booking platform Agoda.com.

THKJ is still the preferred choice among Government agencies due to its affordable rates and strategic location. With its upgraded premises, THKJ aims to stay relevant and competitive while pursuing its vision to be recognised as "Your Preferred Syariah Compliant Hospitality Event and F&B Service Provider" within the next three years.

With Malaysia entering the endemic phase and relaxation of Standard Operating Procedures (SOP) in relation to COVID-19, THHR is optimistic in getting back to its feet, and delivering better contributions to **TH** and **TH** depositors in the coming year.

## OBJEKTIF STRATEGIK Strategic Objective

06

## SYARIKAT KUMPULAN Group of Companies



### KEMBARA DAN PELANCONGAN

TH Travel & Services Sdn Bhd (THTS), sebuah lagi anak syarikat milik THHR yang terlibat dalam industri pelancongan, mempunyai 22 pejabat cawangan di seluruh negara. Di samping itu, THTS mengendalikan pejabat satelitnya di Jeddah bagi operasi pengurusan haji dan umrah di Arab Saudi. Dengan pengalaman lebih 40 tahun dalam menguruskan haji dan umrah, THTS menyediakan pakej dan perkhidmatan yang sesuai dengan pelbagai segmen pelanggan berdasarkan keperluan dan bajet mereka. Ia juga menawarkan pakej-pakej pelancongan Muslim domestik dan antarabangsa yang telah diperakui bertaraf dunia. Dalam tahun 2021, THTS berdepan dengan cabaran di mana tiada pelancongan antarabangsa (termasuk haji dan umrah) yang dibenarkan. Untuk kelangsungan Syarikat dan para pekerjaannya, THTS terus mendepani semua cabaran dengan meneroka aktiviti-aktiviti perniagaan lain yang dianggap kalis krisis ekonomi seperti perdagangan makanan, produk penjagaan kesihatan dan yang seialiran dengannya.

Kekal proaktif menghadapi cabaran, THTS terus fokus pada kesinambungan perniagaan yang akhirnya akan memberi manfaat kepada penyimpan **TH**, syarikat dan kakitangannya.

Dengan pembukaan sempadan antarabangsa, THTS menjangkakan pulangan yang lebih baik dalam tahun 2022.

### TRAVEL AND TOURISM

TH Travel & Services Sdn Bhd (THTS), another subsidiary of THHR involved in tourism, has 22 branch offices nationwide. THTS operates its satellite office in Jeddah, Saudi Arabia to cater for hajj and umrah management. With over 40 years of experience in managing hajj and umrah, THTS provides packages and services that suit various customer segments based on their needs and budgets. It also offers domestic and international Muslim tour packages that have been recognised as world-class tours. Challenges faced by THTS in 2021 were mostly due to the closure of international borders and SOPs by the authorities in Kingdom of Saudi Arabia (KSA) in relation to hajj and umrah which forced the Company to venture into other business activities deemed to be recession-proof, such as trading of food and healthcare products.

Apart from being agile, THTS remained focus on business continuity, and this will ultimately benefit **TH's** depositors, the Company and its staff.

With the opening of international borders and relaxation of SOPs by the authorities in KSA, particularly on umrah and hajj, THTS is hoping for a better year in 2022.

## PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN HARTANAH

Pada tahun 2021, **TH** terus terlibat dalam sektor pembinaan dan pembangunan hartanah melalui anak syarikat milik penuhnya, TH Properties Sdn Bhd atau dikenali sebagai Kumpulan TH Properties. Kumpulan ini mempunyai pengalaman lebih dari 40 tahun di dalam dan luar negara membabitkan pembangunan hartanah, pembinaan, pengurusan projek serta pengurusan aset dan kemudahan.

FY2021 adalah tempoh yang mencabar bagi Kumpulan TH Properties disebabkan oleh pasaran hartanah yang lembap. Pendapatan Kumpulan TH Properties meningkat sebanyak 27 peratus daripada RM96.1 juta pada FY2020 kepada RM121.7 juta pada FY2021 berikutan hasil jualan tanah yang meningkat.

Bagi aktiviti pengurusan fasiliti pula, ia terus menyumbang pendapatan yang stabil dan berulang kepada Kumpulan TH Properties dengan pendapatan tahunan sebanyak RM65.0 juta pada FY2021. Bahagian perniagaan ini sedang mengurus kawasan pejabat seluas lebih daripada 12 juta kaki persegi diseluruh negara.

Kumpulan TH Properties berjaya menjana keuntungan bersih sebanyak RM42.9 juta pada FY2021 berbanding kerugian bersih (RM123.2 juta) pada FY2020, dipacu oleh kejayaan membawa pulang pelaburan sebanyak AUD111 juta daripada Australia.

Melangkah ke hadapan, Kumpulan TH Properties berhasrat untuk terus memaksimumkan potensi pembangunan dengan mewujudkan nilai dari aset-aset hartanah **TH** yang sedia ada, serta meluaskan kemampuannya untuk menjadi konsesi Kerajaan bagi pengurusan kemudahan aset yang bersepadu dalam jangka masa yang panjang.

## PERKHIDMATAN SOKONGAN MARIN

Penglibatan **TH** dalam industri sokongan marin adalah menerusi anak syarikat milik penuhnya TH Marine Holding (L) Inc (TH Marine).

TH Marine kini memiliki dan mengendalikan lapan buah kapal dengan pelbagai kapasiti. Kadar penggunaan kapal-kapal ini adalah rendah pada tahun 2021 disebabkan penamatan kontrak (vessel off-hire) dan penyelenggaraan berkala.

## CONSTRUCTION AND PROPERTY DEVELOPMENT

In 2021, **TH** continued to be involved in the property development and construction sector through its wholly owned subsidiary, TH Properties Sdn Bhd (TH Properties Group). TH Properties Group is an integrated property development, construction management, as well as asset and facility management group with more than 40 years of experience locally and abroad.

FY2021 was a challenging period for TH Properties Group given the soft property market. Revenue of TH Properties Group had increased by 27 per cent from RM96.1 million in FY2020 to RM121.7 million in FY2021 following higher income from land sales.

On the facility management front, it continues to provide stable and recurring revenue to TH Properties Group with an annual revenue of RM65.0 million in FY2021. This business division is currently managing more than 12 million sq.ft. of office spaces nationwide.

TH Properties Group managed to turn profitable in FY2021 with a net profit of RM42.9 million as compared to a net loss of (RM123.2 million) in FY2020, mainly driven by the successful recovery of AUD111 million from investments in Australia.

Moving forward, TH Properties Group aspires to continue maximising development potential by creating value from **TH's** existing land and property assets, as well as expanding its capability into long-term Government's concessions for integrated facilities management services.

## MARINE SUPPORT SERVICES

**TH's** involvement in the marine support industry is through its wholly-owned subsidiary TH Marine Holding (L) Inc (TH Marine).

TH Marine currently owns and operates eight vessels of various capacities. Utilisation rates for these vessels were lower in 2021 due to the completion of contracts (vessel off-hire) and scheduled maintenance.

## OBJEKTIF STRATEGIK **06** SYARIKAT KUMPULAN

### Strategic Objective Group of Companies

#### TEKNOLOGI MAKLUMAT

Theta Edge Berhad (Theta) telah menyediakan perkhidmatan Komunikasi dan Teknologi Maklumat sejak zaman awal pengkomputeran bermula. Dengan pengalaman, kemahiran dan kepakaran yang luas, syarikat ini bersiap siaga memanfaatkan tuntutan digitalisasi untuk Industri 4.0.

Theta telah memainkan peranan besar dalam menyediakan dan memastikan kelancaran kemudahan IT dalam operasi haji dan pengurusan IT Kumpulan **TH**. Theta juga telah merancang serta membangunkan rangkaian aplikasi “Haji Mobility” untuk mendigitalkan operasi haji, memberikan pengalaman yang lebih baik kepada jemaah dan meningkatkan kecekapan operasi **TH** di Malaysia dan Tanah Suci. Bermula pada Musim Haji 2014 (1435H), aplikasi Haji Mobility adalah yang pertama seumpamanya pernah dibangunkan dan digunakan dengan tumpuan diberi kepada pengurusan orang ramai dan pergerakan jemaah.

Kerja-kerja dalam segmen telekomunikasi pula melibatkan penyediaan kerja sivil, mekanikal dan elektrik (CME); pemasangan teknikal; serta perkhidmatan kejuruteraan kepada syarikat-syarikat telekomunikasi tempatan dan vendor peralatan telekomunikasi multinasional.

Melalui salah satu anak syarikat milik penuhnya, Theta telah memperoleh lesen Penyedia Kemudahan Rangkaian (NFP), Penyedia Perkhidmatan Rangkaian (NSP) dan Penyedia Perkhidmatan Aplikasi (ASP) dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Ruang lingkup perniagaan syarikat ini merangkumi projek-projek Penyediaan Perkhidmatan Sejagat (USP) dan penyediaan perkhidmatan komunikasi satelit. Theta juga terlibat dalam penyediaan penyelesaian teknologi hijau yang memfokuskan kepada penyelesaian penjimatan tenaga untuk syarikat-syarikat korporat dan organisasi-organisasi yang lain.

Pada tahun 2021, **TH** telah mengadakan satu kerjasama strategik dengan Arcadia Acres Sdn. Bhd. (Arcadia), sebuah syarikat milik penuh Bumiputera, sebagai sebahagian usaha untuk meningkatkan nilai kepada pemegang saham Theta Edge Berhad (Theta). Idea pengkomersialan transformasi digital sering menarik perhatian **TH** dan Theta kini adalah fokus utama dalam memanfaatkan usaha ke arah tersebut. Keadaan pandemik semasa secara tidak langsung telah mempercepatkan proses digitalisasi ini dan Theta berada pada posisi yang baik bagi merebut peluang tersebut ditambah pula dengan kepakaran yang dimiliki Arcadia. Kolaborasi terbabit dijangka mampu mengukuhkan prestasi kewangan Theta, serta keberadaan pasarannya menerusi kerjasama perniagaan baru, peningkatan pendapatan dan kedudukan yang lebih kukuh dalam industri IT. Ini akhirnya akan meningkatkan nilai pelaburan **TH** di mana kedua-dua organisasi sama-sama memperoleh manfaat.

#### INFORMATION TECHNOLOGY

Theta Edge Berhad (Theta) has been providing Information and Communications Technology services since the early days of computerisation. With the wealth of experience, skills and expertise, the company is poised to capitalise on the demands of digitalisation for Industry 4.0.

